



LAPORAN TAHUNAN
2015
Politeknik Kota Bharu

KANDUNGAN

Misi dan Visi	iii
Dari Meja Pengarah	iv
Struktur Organisasi	1
Carta Organisasi	8
Jabatan Kejuruteraan Awam	5
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	9
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	17
Jabatan Perdagangan	21
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer	30
Jabatan Pengajian Am	34
Jabatan Hal Ehwal Pelajar	37
Unit Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan	41
Unit Perhubungan & Latihan Industri	47
Unit Perpustakaan	50
Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia	55
Unit Sistem dan Teknologi Maklumat	57
Unit Pembangunan dan Penyenggaraan	59
Unit Penyelidikan dan Inovasi	62
Unit Kamsis	64
Unit Kualiti	70
Unit Psikologi dan Kerjaya	75
Unit Keusahawanan	78
Unit Pentadbiran	84
Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan	67
Data dan Statistik	85
Konvokesyen 2014	94
Keratan Akhbar	96

MISI

Menerobos sempadan untuk membina
persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif
ke arah menjana ekonomi yang dipimpin inovasi.

VISI

Penjana utama modal insan inovatif
melalui pendidikan dan latihan transformasional
bagi memenuhi tenaga kerja global.

DARI MEJA PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Allhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya juga maka kita dapat menyempurnakan Laporan Tahunan 2015 Politeknik Kota Bharu (PKB), yang merupakan satu koleksi aktiviti dan program yang telah dilalui dan ditempuh oleh warga kerja PKB sepanjang tahun 2015. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat khususnya sidang redaksi yang bertungkus lumus memastikan laporan ini dapat diterbitkan.

PKB telah banyak melakar keupayaan dalam pelbagai bidang samada pendidikan, penyelidikan dan inovasi, sukan, keusahawanan mahupun kebudayaan. Malah jaringan kolaborasi dengan industri, agensi kerajaan serta swasta turut dipergiatkan bagi memastikan misi dan visi yang digariskan dapat dicapai serta matlamat menghasilkan graduan yang berkualiti serta memenuhi kehendak industri dapat direalisasikan.

Kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua pihak samada para pensyarah, kakitangan sokongan mahupun pelajar disemua peringkat. Walaubagaimanapun diingatkan agar jangan mudah merasa selesa dan berpuas hati dengan kejayaan yang lalu. Sebaliknya masih banyak ruang yang perlu diperbaiki tahun 2016 akan kita hadapi dan ianya tidak menjanjikan apa-apa harapan kecuali kita semua perlu bekerja keras serta memperbaiki kelemahan yang lalu. Laporan ini seharusnya dijadikan panduan dan rujukan bagi memperbaiki sebarang kelemahan dan seterusnya merangka strategi yang lebih berkesan kearah penambahbaikan pada masa akan datang.

Akhir kalam saya ingin menyeru kepada seluruh warga PKB agar sentiasa berusaha menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan proaktif dalam semua tugas yang diberikan. Saya juga berdoa agar PKB berterusan mencipta kejayaan pada masa akan datang.

Terima kasih.

Haji Noor Azahan Othman
Pengarah
Politeknik Kota Bharu, Kelantan.



1985



1988



2003



CARTA ORGANISASI



JAWATANKUASA PENERAJU

KECEMERLANGAN AKADEMIK



Engku Muhammad
Engku Ali



Ulaimi Yahya



Nor Asiah Ab Ghani



Hasni Mahmood



Nor Aziah Abdullah

COACHING & MENTORING



Azlina Ahmad



Sharifah Jamilah
Syed Zain



Noriah Abd Rahman

SOFTSKILLS



Ali Mamat



Abd Rahman
Mohd Yusoff



Al Jalilah Harun



Nik Asiah Nik Hassan

CENTRE OF TECHNOLOGY



Abd Manaff Mahmood Raja Norman Raja Mat



CISEC & KEBOLEHPASARAN GRADUAN



Mohamad Shakri
Awang Abdullah



Noor Hazini Ab Halim



Nik Ruslan Nik Omar



Mohd Satar Ab Ghani

PENASIHATAN AKADEMIK



Siti Noor Abdullah



Tuan Norlaily
Hj Tuan Hamat



Salwuan Ab Halim

MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM



Ramli Mohamed



Ibrahim Abdullah



Ahmad Fuad
Mohd Shorbaini

PENASIHATAN AKADEMIK



Mohd Sani Said



Mahd Asri Mahmood



Mohd Fadzil Ahmad

KESELAMATAN



Razif Abu Hassan

KEUSAHAWANAN



Nik Mazlan
Nik Hussain



Md Nawi Ab Rahman



Aziz Mamat



A K T I V I T E



Jabatan KEJURUTERAAN AWAM

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2015. JKA telah terpilih ke Konvensyen KIK pada 9 hingga 11 Jun 2015. Seramai 10 orang peserta yang dianggotai oleh Pn Siti Hawa Kadir, Pn Affidah Mardziah Makhtar, Pn Nor Hayati Mat Nor, Pn Noor Izma Ab Ghani, En Zulfarahim Hibadullah, En Zeham Mustapha, En Rizalman Ab Rahim, En Fadhlhan Abdul Hadi, En En Mahmud Taib dan En Zulkifli Mustafa serta seorang fasilitator iaitu En Mohd Zardy Ab Rahman. Nama kumpulan ini adalah Kumpulan GreeNotex. Program ini mendedahkan kepada pensyarah dalam menghasilkan idea yang inovatif dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. JKA telah mendapat tempat ke tiga bagi kategori teknikal dengan tajuk projek Eco2GC Drain dan

dianugerahkan pingat emas.

Lawatan Ke Padang Dan Bukit Tinggi, Indonesia. Pada 22 hingga 25 Mei 2015, Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) dengan kerjasama Koperasi Pembangunan Dan Penyelidikan Kelantan Berhad (KPPKB) telah mengadakan lawatan ke Padang dan Bukit Tinggi, Indonesia. Seramai 32 orang staf JKA dan ahli KPPKB yang terlibat. Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan peluang kepada peserta terhadap Sistem Pendidikan Pondok (Pesantren) di Sumatera Barat. Selain itu, para peserta dapat mengetahui sejarah tempat-tempat lawatan dan dapat mengetahui serba sedikit tentang adat serta budaya penduduk di Padang dan Bukit Tinggi, Indonesia.

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



- A** Lawatan ke Padang dan Bukit Tinggi, Indonesia
- B** Kem Transformasi Ukur Bahan Dan Lawatan Tapak
- C** Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2015
- D** Lawatan Sambil Belajar Ke Tapak Pembinaan Low Weir
- E** PKB Going Green

- F** Lawatan Ke Tapak Bina Projek IKBN Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan



JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Kem Transformasi Ukur Bahan Dan Lawatan Tapak.

Seramai 35 orang Pelajar Diploma Ukur Bahan (DUB), JKA telah mengikuti program tersebut pada 13 hingga 15 Ogos 2015. Objektif program adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang pengurusan tapak dan pengukuran kuantiti bangunan serta mendedahkan pelajar terhadap gambaran sebenar pengurusan tapak dan pengukuran kuantiti di alam pekerjaan nanti. Selain itu, memberi peluang kepada pelajar menentukan halatuju selepas menamatkan pengajian di PKB ke peringkat yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan lepasan PKB.

Kejohanan Futsal Terbuka QS. Kelab Ukur Bahan, JKA telah mengadakan Kejohanan Futsal Terbuka QS pada 22 Ogos 2015. Seramai 40 orang ahli kelab yang terlibat. Program ini dapat mengembangkan bakat yang ada pada diri para pelajar dan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pelajar ukur bahan setiap semester. Selain itu, program ini dapat mencungkil kebolehan softskill AJK Kelab dalam mengelolakan sesuatu kejohanan.

Lawatan Sambil Belajar Ke Tapak Pembinaan Low Weir (Bengkel Pemahaman CPM Dan Konsep Hidrologi Di Tapak Pembinaan). Pada 17 September 2015, pelajar kelas DKA5A dan DKA5D JKA, seramai 58 orang telah mengadakan lawatan ke Tapak Pembinaan Low Weir. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam pengurusan projek dan hidrologi serta memberi pendedahan tentang suasana kerja apabila berada ditapak bina. Selain itu, dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar terhadap subjek yang diajar oleh pensyarah semasa didalam kelas dan pelajar dapat melihat dengan sendiri secara dekat bagaimana kerja-kerja pembinaan yang dijalankan semasa projek pembinaan.

PKB Going Green. Pelajar JKA semester 5 yang terdiri dari kelas DKA5A, DKA5B, DKA5C, DKA5D dan DKA5E telah mengadakan program ini pada 7 Oktober 2015. Program ini dijalankan bagi mewujudkan suasana kelestarian alam

di dalam kampus, memberi suasana yang segar dan sihat kepada persekitaran dan warga PKB, memberi kesedaran kepada warga PKB mengenai kepentingan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti yang bakal dijalankan dan memupuk sikap mengurangkan penghasilan bahan atau sisa buangan (sampah) kepada para pelajar PKB untuk kelestarian alam sekitar. Selain itu, dapat menerapkan usaha ke arah melahirkan pelajar yang sihat minda dan cintakan kehijauan alam.

Lawatan Ke Tapak Bina Projek IKBN Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan.

Seramai 31 orang pelajar kelas DKA 2B dan 2 orang pensyarah pengiring mengadakan lawatan pada 8 Oktober 2015. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberi pendedahan dan pendekatan kepada pelajar berkenaan industri pembinaan, memberi peluang kepada pelajar menimba ilmu di lapangan dan memberi pendedahan kepada pelajar terhadap Teknologi IBS. Selain itu, memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan prosedur pengurusan projek pembinaan dan mengetahui konsep Modular Coordination dalam pemasangan komponen pasang siap.

Kursus Akreditasi Personel Binaan - Penerapan Bata.

JKA telah menawarkan ini kepada pensyarah PKB, kontraktor dan mereka yang terlibat dengan pembinaan. Program ini berlangsung selama 5 hari iaitu dari 29 November hingga 3 Disember 2015. Seramai 17 orang pensyarah dari PKB telah menyertai. Program ini bertujuan memberi kemahiran tambahan dalam kemahiran penerapan bata dan boleh membuat projek kecil-kecilan di rumah masing-masing. Program ini juga, dapat memberi pendedahan terhadap industri pembinaan masa kini melalui kelas teori yang di ajar semasa kursus.



G Kejohanan Futsal Terbuka QS

H Kursus Akreditasi Personel Binaan - Penerapan Bata



Jabatan **KEJURUTERAAN ELEKTRIK**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) merupakan salah satu daripada empat jabatan induk di PKB. Jabatan ini menawarkan program Diploma Kejuruteraan Elektronik-Komunikasi (DEP), Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) kepada para pelajar. Demi mencapai visi dan misi JKE sebagai pemangkin dan peneraju kecemerlangan dalam tenaga kerja semiprofessional dalam bidang kejuruteraan elektrik, JKE mempunyai seramai 93 orang staf akademik dan sokongan yang profesional, berkelayakan, berdedikasi dan berpengalaman luas. Seramai 88 orang staf akademik dan lima orang staf sokongan terlibat sepenuhnya dalam pembelajaran dan pengajaran serta pentadbiran.

Ketua Jabatan	:	Tuan Haji Zainuddin Omar
Ketua Program DEP	:	Puan Rahimah Yunus
Ketua Program DEE	:	Encik Rizan Othman
Ketua Program DET	:	Encik Mohd Noor Ismail

Staf akademik	Program		
	DEP	DEE	DET
Ketua Program	1	1	1
Pensyarah	28	28	26
Jumlah	29	29	27

Visi Jabatan. To be the nation's leading provider of semiprofessionals in electrical engineering through transformational education and training for the global workforce by 2015.

Misi Jabatan. Providing quality education at Diploma and Advanced diploma levels in electrical engineering that meets international standards and fostering collaborations with industries and other institutions.

National Conference On TVET Innovation 2015 (NCTVETI 2015).

Persidangan NCTVETI2015 merupakan program julung kali diadakan di Politeknik Kota Bharu anjuran Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PKB. Program ini telah berlangsung dengan jayanya pada 29 hingga 30 April 2015 di bawah kelolaan En Hazmee Halim. Ucaptama telah disampaikan oleh Pengarah Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Ir Dr Ahmad Faizal Mohd Zain. Program ini telah berjaya menghimpun pakar-pakar dan penyelidik di peringkat kebangsaan sebagai medan perkongsian idea bagi merancakkan pengetahuan dalam pendidikan berteraskan TVET di Malaysia. Sebanyak 94 bahan pembentangan dan kertas penyelidikan telah dibentangkan. Program ini telah berjaya membina hubungan erat di kalangan penyelidik, tenaga pengajar dan pembuat polisi bagi merangka kolaborasi yang berinovatif. Persidangan ini memberi ruang dan peluang kepada para penyelidik TVET, pembuat dasar, dan tenaga pengajar untuk membangunkan kaedah penyelesaian kepada cabaran yang sukar diatasi ketika melaksanakan polisi dan program. Selain itu, persidangan NCTVETI2015 berjaya mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran pendidikan TVET di Malaysia agar tidak ketinggalan dari arus perdana TVET dunia. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Director National Distribution Field Sales of Celcom Axiata Berhad, En Saiful Bahrin Abd Ghaffar.

iCompEx 2015. Innovation and Invention Competition through Exhibition atau lebih dikenali iCompEx diiktiraf sebagai sebuah pertandingan yang mempamerkan penghasilan projek dan produk penyelidikan yang berkualiti. iCompEx 2015 telah berlangsung di POLIMAS pada 24 hingga 26 Mac 2015. Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKB

telah menyertai pertandingan tersebut di bawah projek inovasi PIC Microcontroller Trainer. Penyertaan daripada PKB ditunjangi oleh pensyarah JKE, En Ahmad Sidik @ Mat Sidek sebagai penyelia projek dan dua orang pelajar sebagai peserta. Para pelajar terbabit adalah Mohamad Shahiran Awang dan Muhamad Hasyimin Ab Basid. Kehebatan projek inovasi mereka terserlah dengan pencapaian pingat gangsa yang telah dianugerahkan dalam iCompEx 2015.

Pertandingan Polyskills. Pertandingan Kemahiran Peringkat Politeknik Malaysia (PolySkills) merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia. PolySkills diiktiraf sebagai platform utama dalam memilih peserta terbaik mewakili Politeknik Malaysia ke WorldSkills Malaysia sekali gus mewakili negara ke Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) dan Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC). PolySkills 2015 telah diadakan selama tiga hari bermula 17 hingga 20 Mac 2015 di Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah, Kuantan. Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PKB telah menghantar empat peserta dalam bidang Electronic dan Electrical Installation. Dua orang pelajar JKE iaitu Harith Aslah Misnan dan Muhammad Noorfadzlan Md Noor yang dibimbing oleh En Ahmad Sidik @ Mat Sidek telah mewakili PKB bagi bidang Electronic PKB. Manakala, bidang electrical Installation PKB pula diwakili oleh Faris Zakirah bin Ismail dan Mohamad Danial Syahmey bin Mohd Fauzi. Saudara Harith Aslah bin Misnan telah berjaya merangkul pingat emas bagi bidang Electronic sekaligus telah terpilih mewakili Pasukan Politeknik Malaysia ke Pertandingan Pra Kelayakan WorldSkills Malaysia Belia.

Program Siswa Cakna Komuniti JKE PKB Bersama Qariah Masjid Mukim Kemubu, Kok Lanas. Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah menyalurkan perkhidmatan pendawaian tambahan dan gantian perkakasan elektrik secara percuma kepada masjid dan beberapa buah rumah penduduk setempat di Mukim Kemubu sempena program Siswa Cakna Komuniti JKE PKB bersama para qariah mukim tersebut. Program ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 26 hingga 27 September 2015 melibatkan 53 orang pelajar dan 36 orang pensyarah JKE di bawah kelolaan Tn Hj Azani Mat Ali selaku Pengarah Program.

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



- A** National Conference On TVET Innovation 2015 (NCTVETI 2015)
- B** iCompEx 2015
- C** Pertandingan Polyskills
- D** Program Siswa Cakna Komuniti JKE PKB Bersama Qariah Masjid Mukim Kemubu, Kok Lanas

- E** Kursus Kepakaran Certifying Agency CA2C-Optic Fiber Cable Network
- F** Industrial Seminar of Networking & Evolution on National Telecommunication System (NEoNTS)
- G** Program Kolaborasi PKB bersama Kolej Latihan Telekom Kuala Lumpur & Agensi Nuklear Malaysia



JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Aktiviti gotong-royong membersih kawasan persekitaran masjid dan sukaneka turut berlangsung dengan jayanya dengan kerjasama penduduk setempat. Timbalan Pengarah Akademik PKB, Mejar Bersekutu (PA) Azahan Hj Daud telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penutup Program. Program ini telah memberi impak yang positif kepada pelajar terutamanya dalam mempraktikkan kemahiran yang dipelajari sewaktu pembelajaran dan pengajaran di PKB selain kemahiran insaniah turut berjaya diterapkan.

Kursus Kepakaran Certifying Agency CA2C-Optic Fiber Cable Network.

Sejarah dengan salah satu kehendak Politeknik untuk meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan PKB, Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menganjurkan Kursus Certifying Agency –CA.2C: Optic Fiber Cable Networks pada 6 hingga 7 Oktober 2015. Kursus ini melibatkan 15 pelajar semester 6 sesi Jun 2015 Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE), dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP) di Bilik Seminar, ULPL. Kursus ini memerlukan para peserta mengikuti kelas teori dan menduduki ujian kepakaran di bawah kelolaan Pn Muzimah Aida Md Mustafa dan pihak JKE dengan kerjasama Kolej Latihan Telekom Marang, Terengganu dan Kolej Latihan Kuala Lumpur. Kursus ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKB, Tn Hj Zainuddin Omar. Keputusan ujian kepakaran CA2C memutuskan semua peserta lulus dengan cemerlang. Melalui pencapaian ini, peserta telah dianugerahkan sijil dan kad kecekapan CA2C yang dikeluarkan oleh pihak Telekom (M) berhad dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mengendalikan rangkaian fiber optik di syarikat-syarikat komunikasi. Secara tidak langsung ia menyumbang kepada nilai tambah pelajar dalam bidang komunikasi.

Industrial Seminar of Networking & Evolution on National Telecommunication System (NEoNTS).

Industrial Seminar Of Networking & Evolution On National Telecommunication System (NEoNTS) telah dilaksanakan pada 25 Februari 2015 dengan kerjasama Celcom Axiata (M) Berhad, Kota Bharu di Dewan Al-Ghazali, PKB. Program

ini melibatkan 68 orang pelajar JKE daripada semester lima dan enam. Program anjuran JKE yang dikelola oleh Pn Muzimah Aida Md Mustafa selaku Pengarah Program telah berjaya mendedahkan pelajar dengan teknologi terkini yang digunakan dalam bidang telekomunikasi seterusnya menarik minat pelajar mendalami ilmu yang berkaitan dengan pensuisan dan sistem telefon. Antara tujuan penganjuran program ini adalah untuk mengukuhkan kerelevan dan keresponsifan program bagi mencapai 50 jam interaksi program bersama industry.

Program Kolaborasi PKB Bersama Kolej Latihan Telekom Kuala Lumpur & Agensi Nuklear Malaysia, Selangor.

Selaras dengan strategik jabatan dalam memastikan peratus program interaksi bersama industri mencapai 50 jam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan Program Kolaborasi PKB bersama Kolej Latihan Telekom Malaysia Kuala Lumpur dan Agensi Nuklear Malaysia, Selangor. Kolaborasi ini telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Julai hingga 1 Ogos 2015 dengan disertai 32 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP), Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE), dan Diploma Kejuruteraan Teknologi Elektrik (DET), Politeknik Kota Bharu (PKB). Program ini diiringi tiga orang pensyarah JKE iaitu En Ab Razak Ahmed@ Mat Seman, En Junekh Eyat Eng Tian A/L Juan dan Pn Muzimah Aida Md Mustafa. Selain itu, pelajar juga turut didebadkan dengan kaedah peningkatan kecekapan tenaga melalui ciri-ciri unik fizikal dan kimia berhubung perkembangan teknologi terkini dan evolusi terhadap dunia telekomunikasi pada masa kini. Program ini juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan dengan syarat dan cara memperolehi Sijil Kecekapan (CA) daripada Telekom (M) Berhad.

Industrial Seminar of New Technology on National Telecommunication System.

Industrial Seminar of New Technology on National Telecommunication System (NToNTS) telah dilaksanakan pada 11 Februari 2015 bertempat di Dewan Al-Ghazali, PKB. Seminar ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Affandi Junoh , Penolong Pengurus, Unit

ANM Kelantan daripada Telekom (M) Berhad, Kota Bharu. Program ini melibatkan 212 orang pelajar semester tiga Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Perasmian program telah disempurnakan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Tn Hj Zainuddin Bin Omar. Para pelajar diberi pendedahan tentang maklumat terkini dalam penerimaan maklumat, medium penghantaran, dan perkakasan serta fiber optik sejarah dengan keperluan program DEE, DEP dan DET. Program ini secara tidak langsung dapat menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui pendedahan ke atas pelajar secara langsung dalam bidang telekomunikasi bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan.

Hari ICT JKE. Program Hari ICT JKE bertemakan Pembudayaan ICT PKB telah dijalankan pada 28 Julai 2015

di Dewan Al-Ghazali PKB dengan diterajui oleh Pn Nik Rahaya Nik Ishak selaku Pengarah Program. Pelbagai aktiviti dan pengisian telah dijalankan sepanjang program berlangsung seperti Seminar ICT bertajuk ‘Membudayakan ICT’ dan gerai pameran serta jualan ICT. Penglibatan pelajar JKE sebagai peserta bukan sahaja dapat menyemai minat pelajar kepada bidang pengkomputeran malahan mereka didedahkan dengan pengetahuan umum teknologi ICT terkini selaras dengan Kursus DEC2012 Fundamental Programming dan EC504 Multimedia Interactive. Para peserta juga berpeluang berkongsi ilmu dan pengalaman mengenai keusahawanan. Mereka juga dapat mengaplikasikan ilmu pengkomputeran dan membuktikan kemampuan masing-masing melalui pertandingan pengaturcaraan C, multimedia dan rekaan grafik.



G Program Kolaborasi PKB bersama Kolej Latihan Telekom Kuala Lumpur & Agensi Nuklear Malaysia

H Industrial Seminar of New Technology on National Telecommunication System

I Hari ICT JKE



Jabatan **KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

Educational Innovation of Motorsports & Automotive Race (EiMARACE). Pasukan APONTEZ PKB SKUL GARAGE dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah menyertai EiMARACE yang dianjurkahkan oleh MJIIT UTM bersama beberapa firma swasta dan kerajaan negeri Pahang. Perlumbaan telah diadakan di Indera Mahkota Pahang pada 15 hingga 19 Oktober 2015. Objektif utama EiMARACE adalah untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing serta melahirkan pelajar yang menjadi pencetus kepada ciptaan melalui rekabentuk sendiri. Selain itu, penyertaan ini dapat memperkasakan bidang Kejuruteraan Automotif PKB. Pasukan APONTEZ PKB SKUL GARAGE mendapat tempat ketiga keseluruhan dari sembilan pasukan yang bertanding.

Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015. Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015 merupakan penjenamaan kepada Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam dengan objektif utama untuk mewujudkan platform perkongsian ilmu dalam menyemarakkan budaya kreativiti dan intelektual dalam kalangan penjawat awam. Kumpulan POLIVET telah dipilih untuk mewakili Kementerian Pendidikan Tinggi bagi kategori KIK HIBRID pada 24 hingga 26 November 2015 bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC), Kuantan Pahang Darul Makmur. Ahli Kumpulan POLIVET terdiri daripada tujuh pensyarah PKB dan lima pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPV). Pensyarah PKB yang terlibat ialah En Chung Boon Chuan, En Aziz

Mamat, Pn Rosnani Hassan, Pn Noriah Abdullah, En Wan Abdul Halim Amir Wan Muhamad, En Mohd Hafiz Hassan dan En Azahar Mat, manakala lima pegawai JPV terdiri daripada En Abd Halim Mohamed, En Hassan Zainudin, Pn Normala Tukiban, En Zailani Hussin dan En Nik Badrol Hisham Nik Jaafar. Kumpulan POLIVET telah menghasilkan alat pemampat silaj Poly Silage Compressor (PSC) yang dapat menghasilkan tekanan yang lebih tinggi berbanding dengan mampatan insani. Produk yang dihasilkan oleh kumpulan POLIVET telah dinobatkan sebagai high impact project di peringkat kebangsaan dengan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada para pengunjung.

Kolaborasi dan Industrial Talk. Program kolaborasi antara JKM, PKB dengan Shin-Etsu Polymer (Malaysia) Sdn Bhd dan Malaysian Society of Agriculture Engineering (MSAE) telah dijalankan pada 14 Januari 2015. Seramai 316 orang pelajar dan 30 pensyarah terlibat dalam dua siri Industrial Talk. Pelajar yang terlibat dengan program ini adalah pelajar Diploma Mekatronik (DEM) dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pertanian (DPT). Manakala Industrial Talk ini disampaikan oleh dua orang wakil dari Shin-Etsu Polymer (Malaysia) Sdn Bhd dan MSAE. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar politeknik kepada industri pada masa kini.

Program Seminar Pembangunan Usahawan Islamik Muda Automotif. Pada 9 sehingga 11 Ogos 2015 bertempat di Dewan Al-Ghazali dan Dataran Pusat Aktiviti Pelajar PKB, JKM telah menganjurkan Program Seminar Pembangunan Usahawan Islamik Muda Automotif dengan melibatkan beberapa agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan PKB dalam usaha untuk membentuk dan melahirkan usahawan di peringkat belia. Program ini juga merupakan projek keusahawanan automotif yang disasarkan khususnya kepada pelajar Program Diploma Automotif Diesel (DAD) di samping penyertaan dari para pelajar jabatan kejuruteraan yang lain. Ia juga merupakan platform asas yang diperlukan oleh peserta untuk memulakan setiap bidang keusahawanan dan akan diteruskan dengan pelbagai program sebagai kesinambungan kepada usaha ini.

Pertandingan Inovasi Proton-Politeknik (PIPPO). Pada 12 hingga 16 Ogos 2015, wakil pelajar dan pensyarah JKM dari program DAD telah menyertai Pertandingan Inovasi Proton-Politeknik (PIPPO) yang dianjurkan bagi menyerlahkan daya kreativiti, inovasi dan kemahiran teknikal pelajar dan pensyarah dalam bidang rekabentuk dan kejuruteraan automatif. Pasukan yang bertanding ini perlu mengaplikasikan ilmu yang diperoleh di dalam bilik kuliah kepada projek sebenar melalui pendedahan amalan kerja sebenar dalam industri ini. Pasukan PIPPO PKB telah berjaya mendapat tempat keenam daripada 12 politeknik yang bertanding.

Kursus Mesin CNC. JKM, PKB telah menganjurkan Kursus Mesin CNC kepada peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar Kolej Vokasional Tanah Merah pada 14 hingga 15 April 2015 bertempat di Bengkel CNC, PKB. Kursus amali CNC ini merupakan satu program dibawah kendalian program Time Sector Privatisation (TSP) yang sedikit sebanyak membuka peluang kepada para peserta luar membiasakan serta memahirkan diri dalam menggunakan mesin CNC Milling and Turning. Kursus ini memainkan peranan yang penting terhadap usaha politeknik memperkenalkan teknologi terkini di dalam bidang kejuruteraan proses atau pembuatan sesuatu produk kepada peserta luar.

Inkubator Pusat Servis Kenderaan. Inkubator pusat servis ini ditubuhkan berasaskan kolaborasi PKB dengan Freewill Auto Sdn Bhd. Pusat servis ini dirasmikan telah pada 16 Mac 2014. Objektif utama kerjasama ini adalah untuk mendedahkan pelajar tentang keusahawanan dalam bidang automotif. Pelajar telah berpeluang mempraktikkan pengetahuan keusahawanan secara hands-on.

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL



A



B



A



B



B



C



C



C

- A** Educational Innovation of Motorsports & Automotive Race
- B** Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015
- C** Kolaborasi dan Industrial Talk
- D** Program Seminar Pembangunan Usahawan Islamik Muda Automotif

- E** Pertandingan Inovasi Proton-Politeknik (PIPO)
- F** Kursus Mesin CNC
- G** Inkubator Pusat Servis Kenderaan





Jabatan PERDAGANGAN

Pertandingan iCompEx'15. Projek pelajar iaitu Produk Pati Kiub Ikan Bilis DULIS telah menyertai pertandingan iCompEx '15 pada 24 hingga 26 Mac 2015, bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Kedah. Produk yang dihasilkan merupakan budu yang telah diinovasikan dalam bentuk kiub. Projek ini telah diketuai oleh Puan Nik Rozina @ Nik 'Azyyati Nik Jaafar selaku pensyarah penasihat dan empat orang pelajar Diploma Pemasaran iaitu Norlee Mohd Nawi, Siti Nabilah Mohd Yusoff, Nur Nadzirah Bt Abd Hadi dan Roshafiza Bt Husin. Projek DULIS berjaya memenangi anugerah Inovasi Ketiga Terbaik bagi kelas Makanan & Minuman. Pertandingan ini telah memberi pengalaman yang berharga kepada para peserta untuk bersaing di peringkat Politeknik Malaysia.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2015. Jabatan Perdagangan (JP) telah terpilih ke Konvensyen KIK pada 9 hingga 11 Jun 2015. Seramai 10 orang peserta yang dianggotai oleh Pn Nor Asiah Abd Ghani, Pn Fuziah Awang, Pn Nik Suriani Nik Fauzi, Pn Roslida Abd Rahman, En Wan Mohd Hanafi Wan Abd Rahman, Tn Hj Nik Mazlan Nik Husain, En Nasron Omar, Puan Zarina Mohd Noor, Pn Hjh Nik Azyyati @ Nik Rozina Nik Jaafar, Pn Salwati Osman serta seorang fasilitator iaitu En Mohd Fadzil Ahmad. Nama kumpulan adalah Ebiz Maker. Program ini telah memberi peluang kepada pensyarah berkongsi idea dan produk yang inovatif dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat kebangsaan. JP telah berjaya

merangkul anugerah emas bagi kategori pengurusan dengan tajuk projek Website Ebiz , iaitu untuk mengatasi kesukaran pelajar menjalani aktiviti keusahawanan.

Program Khidmat Masyarakat Beach Day Out. Persatuan Pelajar Perdagangan (PPP) dengan kerjasama Majlis Daerah Tumpat telah berjaya menganjurkan satu aktiviti membersih pantai Beach Day Out pada 14 Mac 2015 bertempat di Pantai Geting, Tumpat. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memupuk sikap mencintai alam sekitar dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan siswa dan siswi. Para pelajar dan beberapa orang pensyarah JP, di bawah seliaan kakitangan Majlis Daerah Tumpat telah bersama-sama melakukan aktiviti pembersihan kawasan yang terlibat dengan banjir.

Saya Sayang Malaysia Cakna Hari Kemerdekaan Ke -

58. Satu program kermasyarakatan Saya Sayang Malaysia - Cakna Hari Kemerdekaan ke-58 telah dianjurkan oleh PPP bertempat di Tabika Sri Murni, Ketereh pada 9 September 2015. Program yang disertai oleh 40 orang pelajar diiringi pensyarah JP mensasarkan objektif untuk menyemai rasa cinta kepada negara dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan peserta yang terdiri daripada pelajar JP dan murid-murid pra-sekolah. Antara pengisian program adalah jigsaw puzzle bendera, mewarna, rekacipta, pertunjukan fesyen dan tayangan video. Para peserta cilik Tabika Sri Murni telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang program berlangsung.

Lawatan Ilmiah Ke Bank Negara Cawangan Pantai Timur, Kuala Terengganu. Kursus Diploma Akauntansi (DAT) telah mengadakan satu program lawatan akademik ke Bank Negara Malaysia cawangan Kuala Terengganu pada 4 Oktober 2015. Program ini telah disertai oleh 32 orang pelajar DAT 3A yang mengambil kursus DPA3043- Fundamental of Auditing. Sepanjang program berlangsung, pelajar telah diberi taklimat berkenaan dengan peranan Bank Negara dan kaedah untuk mengetahui ketulenan sesuatu wang. Program ini telah memberi maklumat dan pengetahuan secara praktikal kepada pelajar berkaitan kursus yang dipelajari.

Kursus Practical SQL Accounting System. Kursus Practical SQL Accounting System ini telah dijalankan pada 9 hingga 10 Oktober 2015 bertempat di makmal computer GCL 1, 2 dan 3. Kursus yang berbentuk bengkel ini melibatkan seramai 150 orang peserta daripada program DAT semester lima dan DAT semester enam.6 . Seramai tiga orang penceramah yang diketuai oleh En Mohamad Nasir Abd Latif selaku pengurus dan empat orang pembantu dari Syarikat Nadicom Technology Centre telah hadir untuk memberi kursus kepada pelajar. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan kemahiran pengendalian perisian perakaunan berkomputer terutama perekodan akaun yang melibatkan urusniaga yang dikenakan GST kepada para pelajar. Selain itu, kursus ini juga telah memberi nilai tambah dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar apabila graduat kelak.

Pameran Projek Pemasaran (PM604). Pada setiap penghujung semester, Program Diploma Pemasaran (DPR) menganjurkan satu Pameran Projek Pemasaran bagi pelajar akhir semester. Aktiviti yang telah dijalankan di Dataran Gemilang ini merupakan satu platform kepada semua pelajar semester akhir DPR untuk mempamerkan produk prototype mengikut kumpulan masing-masing. Sepanjang tahun 2015, pameran ini telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 2 Mac hingga 5 Mac 2015 bagi Sesi Disember 2014 dan pada 5 Oktober 2015 bagi Sesi Jun 2015. Projek terbaik adalah Pati Kiub Ikan Bilis DULIS.

Seminar Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).

Seminar GST telah dilaksanakan pada 17 Mac 2015 bertempat di Dewan Al-Ghazali yang melibatkan 398 orang peserta. Seminar ini bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar tahun akhir program DAT, DPM dan DPR terhadap kepentingan pelaksanaan GST. Jabatan Kastam Diraja Malaysia diberi mandat untuk mengutip dan menguruskan GST bagi pihak Kerajaan. Seminar ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan yang pakar dalam bidang tersebut iaitu Prof Madya Dr Asan Ali Golam Hasan, Pengurus Projek GST Communication Plan, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.



A Pertandingan iCompEx'15

B Program Khidmat Masyarakat Beach Day Out

C Saya Sayang Malaysia Cakna Hari Kemerdekaan Ke – 58

D Lawatan Ilmiah Ke Bank Negara Cawangan Pantai Timur, Kuala Terengganu

E Kursus Practical SQL Accounting System

F Pameran Projek Pemasaran (PM604)

G Seminar Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST)



JABATAN PERDAGANGAN

Seminar Kebolehpasaran – Peluang Kerjaya Dalam Bidang Perbankan. Seminar yang telah berlangsung pada 10 September 2015 ini merupakan satu program kebolehpasaran anjuran JP dan CISEC dengan Bank Islam dan BIMB Investment. Ia bertujuan memberi pendedahan kerjaya dalam bidang kewangan, perbankan dan pelaburan patuh syariah kepada semua pelajar semester akhir program DAT dan DPM yang mengambil kursus PB604 Business Finance. Program ini telah diadakan di Dewan Al-Ghazali dan ceramah telah disampaikan oleh En Fazli Zainal Abidin yang merupakan Head of Retail Sales & Distribution, BIMB Investment Management Bhd Co, Kuala Lumpur.

Seminar Etika Perniagaan: Budaya Beretika Amalan Hidup Kita. Jawatankuasa Kursus Business Ethic yang terdiri daripada para pelajar DPM yang mengambil kursus ini telah menganjurkan satu seminar Etika Perniagaan. Seminar ini telah berlangsung pada 9 Mac 2015. Sesi ceramah telah disampaikan oleh En Syamsul Arifin Othman yang merupakan Penolong Penguatkuasa SuruhanJaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Kelantan. Ceramah beliau adalah berkisar tentang isu etika dalam perniagaan seperti isu rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewangan. Seminar ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran pelajar berkaitan etika dan seterusnya menjadi panduan untuk menempuh alam pekerjaan kelak.



H Seminar Kebolehpasaran – Peluang Kerjaya Dalam Bidang Perbankan

I Seminar Etika Perniagaan: Budaya Beretika Amalan Hidup Kita



Jabatan **MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER**

Program Derma Darah dan Organ Perdana Pasca Banjir 2015. Program yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Hilmi Hj Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia ini, telah berlangsung pada 19 - 21 Januari 2015, di Dewan Jubli Perak, PKB. Program pasca banjir ini melibatkan warga PKB, SMK Ketereh dan Kolej Matrikulasi Kelantan. Program ini dikelolakan oleh Pn Shamsiah Nawawi. Program ini dapat mendidik semua akan kepentingan menderma darah dan organ, selain dapat mewujudkan perasaan kasih sayang sesama manusia, membantu tabung darah di Hospital Raja Perempuan Zainab II dan dapat menderma darah kepada insan yang memerlukan.

Program Kecemerlangan Inspire Math. "Sesuatu ilmu jika kita dengar, catat dan terangkan pada orang lain barulah 100 peratus difahami dan dikuasai" - Profesor Dr Muhyaya. Justeru bagi meningkatkan kemahiran memahami dan menguasai Ilmu Matematik, program ini telah diadakan pada 19 Mac 2015. Pn Erni Aryanti Yusoff telah bertindak sebagai Pengarah Program. Melalui program ini, pelajar yang cemerlang dalam kursus DBM 2013 – Engineering Mathematics 2 dan BA 501 – Engineering Mathematics 5, akan dilatih oleh fasilitator untuk memahami dan menguasai Ilmu Matematik, dan pelajar tersebut akan dikenali sebagai Rakan Mesra Matematik yang boleh membantu rakan-rakan yang lemah dalam bidang tersebut. Program ini mampu meningkatkan bilangan pelajar yang cemerlang

JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

dalam kursus Engineering Mathematics, dan menerapkan sikap tololong menolong dalam kalangan pelajar.

Program We Like Mathematics BA301. Kursus Matematik Kejuruteraan 3 – BA 301 merupakan kursus teras di JMSK. Bagi meningkatkan keupayaan pelajar dalam kursus ini, satu program yang dikendalikan oleh Pn Wan Izyani Wan Jusoh telah diadakan pada 30 Mac 2015. Program ini bertujuan membantu pelajar-pelajar lemah yang mengulang kursus melalui kaedah latih tubi soalan-soalan peperiksaan lepas. Objektif utama program ialah meningkatkan peratus lulus dari segi kualiti dan kuantiti dalam peperiksaan akhir. Antara objektif program ialah menghapuskan bilangan pelajar ulang kursus bagi BA301, melatih pelajar menjawab soalan-soalan peperiksaan akhir kursus BA301 dengan baik, meningkatkan motivasi dan keyakinan kendiri yang tinggi pelajar dan pelajar dapat menggunakan minda dengan berkesan dan teratur sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

Program Peningkatan Kemahiran dan Keusahawanan Pembuatan Kek. Kursus ini telah berjalan pada 29 April 2015, dibawah kelolaan Pn Azrind Othman. Program ini mampu memberi pendedahan kepada peserta kaedah penyediaan pelbagai jenis kek. Selain itu, peserta juga didedahkan kaedah pemasaran kek melalui media elektronik. Kursus ini juga telah meningkatkan kemahiran membuat kek yang baik selain membuka minda dalam keusahawanan kek.

Penerbitan Digest @ JMSK Bil 5 2015. Digest@JMSK PKB Bil 5 merupakan koleksi penulisan ilmiah oleh pensyarah-pensyarah di PKB, berdasarkan kepada pembentangan pada Seminar Penyelidikan Matematik, Sains & Komputer, Zon Timur pada 17 November 2014. Pn Hasanah Shafie @ Safein telah bertindak sebagai Pengarah Program. Proses penerbitan Digest ini yang bermula pada Julai 2015, bertujuan untuk memberi peluang kepada pensyarah untuk melibatkan diri dalam aktiviti penulisan dan menerbitkan hasil kajian mereka. Selain itu, penerbitan ini juga mampu

meningkatkan kemahiran pensyarah dalam penyelidikan, penulisan dan penerbitan, berkongsi pengalaman, idea, hasil penulisan dan inovasi dengan peserta lain, mempertingkat kualiti penulisan penyelidikan ilmiah, mendedahkan peserta kepada cadangan idea dan penulisan yang interaktif dan inovatif, berkongsi dapatan kajian, dan memenuhi kriteria kenaikan pangkat di bawah skim Pegawai Perkhidmatan Pengajaran Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid ini memaparkan artikel yang berkaitan dengan bidang pendidikan, teknologi, kejuruteraan, pengurusan dan pemasaran.

Program Maths DBM 1013 is Easy. Kursus Engineering Mathematics 1 – DBM 1013 merupakan kursus teras di Jabatan Matematik Sains dan Komputer bagi pelajar Semester 1. Program ini adalah dibawah kelolaan Pn Widdey Khalsom Edris sebagai Pengarah Program. Kursus Maths DBM 1013 Is Easy telah berlangsung pada 13 Oktober 2015. Program ini berperanan dalam membantu pelajar-pelajar lemah melalui kaedah latih tubi soalan-soalan peperiksaan lepas, seterusnya meningkatkan peratus kelulusan kursus ini.

Program CSR “Gotong Royong Membersih Pantai Cahaya Bulan”. Program Gotong Royong Membersih Pantai Cahaya Bulan yang berlangsung pada 4 September 2015 merupakan program yang diadakan bagi memberi pendedahan, memberi khidmat bakti, memupuk semangat perpaduan dan ikatan silaturrahim dalam kalangan penduduk setempat dengan PKB. Program ini adalah dibawah kelolaan Lt. (PA) Mohd Sanusi Deraman. Antara objektif program yang lebih khusus ialah melatih sifat kepimpinan staf JMSK dalam pengurusan organisasi dan pendedahan kepada aktiviti kemasyarakatan.

Program Transformasi Minda IV: Anda Pasti Hebat. Program Transformasi Minda: Anda Pasti Hebat merupakan satu program bagi membakar semangat dan memberi galakan untuk tidak mudah putus asa melalui latih tubi kepada para pelajar lemah. Program ini telah berlangsung

pada 17-19 September 2015. Program kendalian Pn Nazihah Che Rozan ini, disertai oleh pelajar yang mengambil kursus DBM 1013 – Matematik Kejuruteraan 1, DBM 2013 Matematik Kejuruteraan 2 dan BA 501 – Matematik Kejuruteraan 4. Menerusi program ini pelajar-pelajar akan didedahkan dengan teknik belajar dengan berkesan bagi membuka mata, hati dan minda mereka untuk berjaya di PKB. Program ini juga dapat memberi keyakinan pelajar untuk menghadapi peperiksaan akhir.

Program JMSK Explorace. Program yang berlangsung pada 2 Oktober 2015 ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Sains dan Matematik dalam kalangan pelajar. Program ini adalah dibawah kelolaan En Hasni Mahmood. JMSK Explorace disertai oleh dua orang pelajar cemerlang dari setiap kelas. Mereka membentuk 10 kumpulan bagi melaksanakan 12 tugas (task) di 12 stesen (check point). Program ini berjaya merangsang minda dan kreativiti pelajar terhadap komputer, sains dan matematik, memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan, merangsang minda berfikir di luar kotak, memupuk perasaan bertanggung jawab dan meningkatkan disiplin diri.

Program Kecemerlangan ‘Enjoying Camtasia Video 8’. Program Enjoying Camtasia Video 8 – merupakan satu program meningkatkan kemahiran penghasilan video melalui penggunaan perisian Camtasia Studio versi 8. Program yang berlangsung pada 2 Oktober 2015 ini, adalah di bawah kelolaan Pn Hafizah Abd Rahim. Melalui program ini, pelajar yang mengambil kursus DBC2012 akan dilatih oleh fasilitator untuk memahami dan


menguasai perisian tersebut seterusnya menghasilkan video yang mempunyai kelima-lima elemen multimedia; teks, audio, video, animasi dan transition. Program ini dapat mendedahkan kepada pelajar mengenai kepentingan dan keperluan menghasilkan video sebagai persediaan menghadapi alam perniagaan, mendedahkan pelajar-pelajar kepada alam teknologi maklumat, dan mengembangkan kreativiti. Ini adalah sumbangan JMSK dalam meningkatkan nilai tambah pelajar.

Program e-Science: Jom Lulus. Program yang berlangsung pada 10 Oktober 2015 ini, dikelolakan oleh Pn Norlila Mohd Yusoff. Program ini memfokuskan kepada pelajar lemah berdasarkan kepada Ujian Pertengahan Semester (Ujian 1) yang telah dijalankan kepada semua pelajar Semester 1. Pelajar terpilih akan didedahkan kepada bentuk soalan-soalan peperiksaan akhir dan teknik menjawab soalan yang baik. Program ini secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri yang tinggi kepada para pelajar supaya dapat menguasai kursus Engineering Science.

Program Peningkatan Kemahiran Dan Keusahawanan Pembuatan Roti Dan Pastri. Program penyediaan roti dan pastri telah diadakan pada 9 November 2015. di bawah kelolaan Pn Anisah Jawawi. Program yang digabungkan dengan Program Keusahawanan, bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah menyediakan pelbagai jenis roti dan pastri. Selain itu peserta juga di dedahkan kepada kaedah pemasaran melalui media elektronik. Hasilnya, para peserta dapat menguasai kemahiran membuat roti dan pastri.


JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

LAPORAN TAHUNAN
2015
Politeknik Kota Bharu



- A** Program Derma Darah dan Organ Perdana Pasca Banjir 2015
- B** Program Kecemerlangan Inspire Math
- C** Program We Like Mathematics BA301
- D** Program Peningkatan Kemahiran dan Keusahawanan Pembuatan Kek

- E** Program Maths DBM 1013 is Easy
- F** Program Transformasi Minda IV: Anda Pasti Hebat
- G** Program CSR "Gotong Royong Membersih Pantai Cahaya Bulan"
- H** Program JMSK Explorace



I Program Kecemerlangan ‘Enjoying Camtasia Video 8’

J Program e-Science: Jom Lulus.

K Program Peningkatan Kemahiran dan Keusahawanan
Pembuatan Roti dan Pastri



Jabatan PENGAJIAN AM

Effective Leadership and Communication Skills in English. Program yang diadakan pada 4 - 5 September 2015 ini adalah kali pertama diadakan kepada pemimpin-pemimpin pelajar MPP oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am (JPA). Program ini diadakan untuk memupuk sikap kepimpinan yang tinggi dan meningkatkan kemahiran komunikasi terutama dalam Bahasa Inggeris di kalangan pemimpin pelajar-pelajar. Selain itu, para peserta perlu berfikir secara kreatif dan kritis dalam menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam program ini. Program seumpama ini penting untuk meningkatkan keyakinan para pemimpin pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan menjadi pemimpin yang baik untuk pelajar-pelajar lain. Lima orang pensyarah Bahasa Inggeris yang berpengalaman

iaitu Mohd Iskandar bin Daud, Mohd Rosli bin Abdul Ghani, Muhammi Saifuddin bin Mohamad Salleh, Juwati binti Abdul Ghafur dan Ros Adura binti Kamaruddin dari Institut Pendidikan Guru Pengkalang Chepa telah menjadi penceramah undangan untuk mengendalikan program ini. Secara keseluruhannya, program "English Leadership and Communication Skills in English" ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kemahiran penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris dan berjaya mencungkil kreativiti serta mengembangkan potensi diri pelajar sebagai seorang pemimpin.

Jazz up Your English - Word Hunt. Pada 21 Januari 2015, Satu program Permainan Bahasa yang dapat memberikan

pengalaman pembelajaran secara lebih berkesan dan menarik bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris mereka sehari-hari. Secara khususnya program ini telah dapat meningkatkan semangat dan keyakinan diri para pelajar untuk memahirkan diri dengan semua kemahiran dalam Bahasa Inggeris.

Drama Competition. Pertandingan drama ini mendapat kerjasama yang baik daripada semua pelajar yang dipilih oleh pensyarah mereka dan ianya telah berjaya menarik minat pelajar dalam meningkatkan kesedaran kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris. Kesemua peserta telah menunjukkan bakat dan kreativiti mereka dalam mempersempahkan drama kumpulan masing-masing. Selain itu, pertandingan seumpama ini juga berjaya memupuk semangat kerjasama antara pelajar dan juga pensyarah. Ini kerana pensyarah dapat berganding bahu menyumbang kepakaran dan idea dalam menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Selain itu, hubungan antara mereka juga dapat dirapatkan melalui penglibatan pelajar dalam pertandingan drama ini. Acara ini telah berlangsung pada 3 Oktober 2015.

Top Emcee Competition. Program yang berlangsung selama 2 hari ini (14 - 15 September 2015) telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar Semester 1 hingga 6. Ia adalah sebuah program untuk meningkatkan kemahiran dan teknik-teknik tertentu dalam pengacaraan majlis samada secara formal atau tidak formal. Melalui program ini ia telah berjaya melatih diri para pelajar terbabit untuk lebih matang dan berkeyakinan untuk berada dan bercakap di hadapan ramai bagi mengendalikan sesuatu majlis.

English Language Camp 2015. Program “English Language Camp” ini telah dianjurkan oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am (JPA) pada 8 - 10 Oktober 2015, berperanan sebagai salah satu platform untuk para pelajar mempraktikkan dan mengukuhkan kemahiran Bahasa Inggeris mereka. Program ini telah berjaya menarik minat para pelajar dari semua semester untuk sama-sama terlibat dalam aktiviti-aktiviti sepanjang program ini berlangsung. Program selama tiga hari ini telah berjaya

memberikan pengalaman yang berbeza kepada para pelajar untuk mempelajari Bahasa Inggeris dengan suasana yang menarik dan berbeza dari bilik kuliah mereka. Kaedah yang menarik dan menyeronokkan telah diaplikasikan dalam setiap sesi/pertandingan yang diadakan. Antara sesi/pertandingan yang diadakan termasuklah ‘Choral Reading Competition’, ‘Spell It Right!’, ‘Sand Castle Competition’, ‘Performance Night’, dan ‘Treasure Hunt’. Selain itu, melalui program seumpama ini juga berjaya membantu para pelajar untuk merasai pendekatan pembelajaran Bahasa Inggeris dengan cara yang berbeza kerana mereka telah didekah dengan pelbagai situasi dan pendekatan berbeza dalam proses pembelajaran. Aktiviti yang dijalankan secara santai telah meningkatkan keyakinan diri dan memberikan semangat kepada para pelajar untuk terlibat sepenuhnya dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Kerjasama dan disiplin yang baik telah ditunjukkan oleh para pelajar sepanjang program ini berlangsung. Secara keseluruhannya, program “English Language Camp” ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam mengaplikasikan penggunaan Bahasa Inggeris melalui pendekatan luar bilik kuliah yang santai dan menyeronokkan.

Sambutan Hari Malaysia-Program Menggilap Potensi Pelajar Semester Satu. Program ini yang merupakan satu aktiviti anjuran oleh Jabatan Pengajian Am, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Kota Bharu, telah berlangsung pada 6 - 15 September 2015, bagi menyemarakkan usaha kearah memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa Ibunda. Disamping itu program juga adalah salah satu aktiviti pelajar semester satu untuk mencapai CLO 3 bagi kursus Pengajian Malaysia. Ianya melibatkan semua pelajar Semester Satu.

Kursus Pra Perkahwinan. Program ini merupakan satu aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (JHAEIK), bagi memudahkan pelajar untuk mendapatkan Sijil Kursus Pra Perkahwinan. Program ini diadakan dua kali setahun (06 - 07 Februari & 18 - 19 September 2015), terbuka kepada semua pelajar semester akhir. Ianya hanya dihadkan kepada 150 orang peserta sahaja berdasarkan ‘siapa cepat dia dapat’.

JABATAN PENGAIJIAN AM



A



B



C



B



B



D



A



C



D

A Effective Leadership and Communication Skills in English

B Jazz up Your English - Word Hunt

C Drama Competition

D Top Emcee Competition

E English Language Camp 2015

F Kursus Pra Perkahwinan

G Kem Intervensi Literasi Al-Quran



JABATAN PENGAJIAN AM

Program Sekolah Angkat Pasca Banjir, SK Tebing Tinggi.

Program ini merupakan satu aktiviti yang julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan kerjasama SK Tebing Tinggi, Tanah Merah, Kelantan pada bulan 12 Mac 2015. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelajar Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Seramai 40 orang pelajar telah menjayakan khidmat masyarakat ini. Pelbagai aktiviti menarik berjaya diadakan di sekolah tersebut. Di antaranya ialah Sukaneka, Zooming Around, Pertandingan Mewarna dan Kuiz Agama. Kesemua aktiviti berjaya menarik minat pelajar untuk hadir ke sekolah semula dan membangkitkan semangat keceriaan setelah mengharungi keperitan banjir besar yang lepas. Program ini dapat merapatkan ukhuwwah sesama muslim dan menjadi perintis kepada masyarakat setempat untuk berganding bahu ke arah transformasi globalisasi dan sosiolisasi. Dengan terlaksananya program ini, ianya telah mencapai KPI Jabatan Pengajian Am tahun 2015 iaitu mengadakan satu program CSR pada setiap tahun.

Kem Intervensi Literasi Al-Quran.

Kem Intervensi Literasi Al-Quran merupakan aktiviti pemuliharaan bacaan al-Quran

melalui pendekatan kaedah Hattawiyah dan Kaedah Iqra' kepada pelajar Semester 2 Politeknik Kota Bharu yang masih belum dapat menguasai bacaan Al-Quran. Kem yang dianjurkan pada 5-7 Mac 2015 ini terbahagi kepada 2 Fasa iaitu Fasa 1- pelajar yang terpilih akan mengikuti Kem Yakin Boleh yang diadakan di Sri Pantai Resort, Bachok, Kelantan, selama 2 hari 1 malam. Manakala Fasa ke 2 , pelajar akan dibimbing oleh Pensyarah bimbingan selama 10 minggu bergantung kepada jadual yang dipersetujui bersama pensyarah pembimbing.

Pertandingan Kuiz Berkumpulan dan Pidato Kenegaraan.

Program ini dilaksanakan untuk menilai pelajar-pelajar yang mengikuti kursus DUB1012-Pengajian Malaysia bagi mengukur CLO 3. Ianya telah berjaya mencapai objektif; melatih pelajar berani menampilkkan diri di hadapan orang ramai dan tidak akan kekok bila berhadapan situasi sebenar setelah mereka berkerjaya kelak, meningkatkan daya pemikiran kreatif dan kritis di kalangan pelajar terutamanya berkaitan isu-isu kenegaraan dan pentadbiran negara, dan memupuk semangat kerjasama di kalangan pelajar dan pensyarah. Program ini telah dianjurkan pada 26 Februari & 10 Mac 2015.



H Pertandingan Kuiz Berkumpulan dan Pidato Kenegaraan



Jabatan HAL EH WAL PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Hal Pelajar (JHEP) merupakan salah satu unit di PKB yang memberi perkhidmatan secara langsung kepada pelajar. JHEP berperanan dalam mengurus pendaftaran pelajar baru, lapor diri pelajar senior, kebajikan pelajar, insurans pelajar, biasiswa dan pinjaman pelajaran, disiplin, serta kegiatan persatuan pelajar. Selain itu, JHEP juga merupakan sumber data pelajar kepada Jabatan Akademik dan Unit lain di PKB, Bahagian Biasiswa KPTM, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Jabatan Pengajian Politeknik.

JHEP juga bersedia membantu bakal pelajar, ibubapa dan guru kerjaya sekolah yang ingin mendapatkan maklumat mengenai syarat kemasukan, kursus yang ditawarkan, tempoh pengajian, yuran pengajian dan bayaran

pendaftaran, kemudahan penginapan, dan bantuan kewangan yang boleh dipohon oleh bakal pelajar. PKB menawarkan sebanyak 12 kursus peringkat diploma dan satu kursus peringkat Pra Diploma bermula Sesi Disember 2014.

Misi. Menyedia perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pelajar dan kakitangan PKB serta pihak penaja

Visi. Menjadi pusat penggunaan pelajar yang cemerlang Serta berazam menyediakan perkhidmatan yang cukup Berkait dengan pendaftaran, pembiayaan pelajaran, Displin, kebajikan dan kegiatan pelajar selari dengan perkembangan masa kini .

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



- A** 'Ccolek' Untuk Hati Bersama Pencetus Ummah Yeop
- B** Karnival Boxing Raya PKB 2015
- C** Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar PKB 2015
- D** Program Dialog Pelajar Bersama Pengarah PKB 2015
- E** Oh My English! 2015
- F** PKB Sports Festival 2015

- G** Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Dan Exco Persatuan/Kelab PKB 2015



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

'Ccolek' Untuk Hati Bersama Pencetus Ummah Yeop.

Program ini diadakan pada 7 Julai 2015 sempena meraikan Bulan Ramadhan Al-Mubarak. "Ccolek" adalah kudapan majoriti Rakyat Kelantan selepas bertarawikh. "Ccolek" Untuk Hati sebagai simbolik kepada hati yang sentiasa memerlukan makanan agar ia terhindar dari perkara keji dan mungkar. Program yang diadakan bersama selebriti dakwah ini mampu mengerakkan hubungan di antara warga PKB dengan komuniti setempat. Selain itu, satu tabung kutipan derma mangsa banjir Kuala Krai telah dilancarkan bagi membantu persiapan Hari Raya Aidilfitri mereka.

Karnival Boxing Raya PKB 2015. Bagi menyuburkan budaya keusahawanan di PKB, Karnival Boxing Raya PKB 2015 telah diadakan pada 12 hingga 14 Julai 2015. Pelajar diberi peluang untuk berniaga barang keperluan Aidilfitri. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Warga PKB. Peluang berniaga ini digunakan dengan sebaiknya oleh pelajar sehingga mampu menyuburkan minat dalam bidang keusahawanan, seterusnya menggalakkan mereka berusaha untuk mencari pendapatan tambahan.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar PKB 2015. Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar PKB 2015 merupakan sebuah majlis anjuran Majlis Perwakilan Pelajar 2015, telah diadakan pada 29 September 2015 bertempat di Ballroom 1, Hotel Renaissance Kota Bharu, dengan disertai oleh 18 kelab dan persatuan pelajar di PKB. Majlis yang telah dirasmikan oleh Pengarah PKB ini bertujuan untuk mengiktiraf para pelajar yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam kurikulum dan kokurikulum, selain turut memberi pendedahan awal dunia kepimpinan sebenar, dan meraikan majlis perwakilan pelajar dan exco-exco bagi setiap kelab dan persatuan.

Program Dialog Pelajar Bersama Pengarah PKB 2015.

Dialog yang telah diadakan pada 9 September 2015 ini menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar PKB untuk berinteraksi dengan pihak pengurusan PKB. Dalam majlis

ini, para pelajar telah diberikan ruang untuk memberikan cadangan dan pendapat, selain mengemukakan permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Pihak pengurusan pula akan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar, bagi memastikan proses pengajian mereka di PKB berjalan lancar. Natijahnya, program ini mampu mengerakkan hubungan silaturrahim di antara pelajar dengan pihak pengurusan PKB.

Majlis Kesyukuran Penganugerahan APACC dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri. Bagi menzahirkan ucapan terima kasih kepada Warga PKB yang telah bertungkus lumus dalam memastikan Anugerah Emas dalam Akreditasi APACC, satu majlis jamuan makan telah diadakan pada 6 Ogos 2015. Majlis yang telah dirasmikan oleh Pengarah PKB ini, diadakan di Dewan Jubli Perak dan Pusat Kegiatan Pelajar PKB. Majlis ini mendapat kerjasama yang baik daripada MPP PKB.

Oh My English! 2015. Bagi memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, MPP PKB telah menganjurkan Program Oh My English! 2015, pada 21 dan 22 Ogos 2015. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan penyertaan melebihi 100 orang pelajar. Dalam program ini, para peserta dikehendaki berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bagi menyertai lima acara yang telah dijalankan iaitu, Shout It Loud, PKB Idol, We Act We Play, GA-MEZ dan Now You See Me. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan setiap kumpulan disertai oleh seorang fasilitator. Program ini mampu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris selain memantapkan hubungan silaturrahim dalam kalangan pelajar.

PKB Sports Festival 2015. PKB Sports Festival 2015 merupakan pertandingan dua acara sukan iaitu badminton dan bolasepak sembilan sebelah anjuran MPP dengan kerjasama persatuan-persatuan pelajar dan kelab-kelab. Pertandingan ini berlangsung pada 1 hingga 15 Februari 2015 di PKB. Kejohanan ini mendapat sambutan yang

menggalakkan dalam kalangan pelajar. Objektif program ini adalah untuk mencari bakat-bakat baru yang akan menjadi pelapis kepada atlet PKB, selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama pelajar.

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Dan Exco Persatuan/Kelab PKB 2015. Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP dan Exco Persatuan/Kelab PKB 2015 telah berlangsung pada 15 Januari 2015 di Dewan Al-Ghazali, PKB. Majlis Penyerahan Watikah kepada 26 pelajar yang terlibat telah disempurnakan oleh Tn Hj Noor Azahan Othman, Pengarah PKB. Watikah ini berkuatkuasa sehingga Sesi Jun 2015.

PKB Got Talent. PKB Got Talent dianjurkan bagi mencungkil bakat pelajar dalam bidang seni lakonan, nyanyian dan tarian. Pertandingan ini telah dianjurkan pada 8 September

2015, bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB. Selain itu, acara ini juga mampu memberikan nilai tambah kepada pelajar, mengembangkan potensi individu dan meningkatkan keyakinan diri pelajar. Bagi memeriahkan acara, seorang artis tempatan, Man Khan telah dijemput untuk mendendangkan beberapa buah lagu. Dengan kehadiran Man Khan, sambutan program ini amat menggalakkan.

Program Pembimbing Insani 2. Pada 22 September 2015, MPP, Kelab Pembina dan KERIS PKB dengan kerjasama JPA PKB telah menganjurkan ‘Program Pembimbing Insani 2’ peringkat PKB 2015, bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB. Program ini merupakan pertandingan Tilawah Al-Quran, Hafazan, Nasyid Berkumpulan, Pertandingan Mencari Bilal bin Rabah (Azan), Moral Story Telling dan Seni Kaligrafi Khat. Antara objekif program adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam kesenian Islam.



H



H



I



H



I



I

H Program Pembimbing Insani 2
I PKB Got Talent



Unit **SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN**

Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (USKK) Politeknik Kota Bharu merupakan antara unit-unit yang bergiat aktif dalam pelaksanaan aktiviti sukan, kokurikulum dan kebudayaan sama ada di peringkat PKB maupun di peringkat yang lebih besar. USKK diberisi 33 orang pegawai PKB yang masing-masing mempunyai kepakaran dan kompetensi dalam sukan, kokurikulum dan kebudayaan. USKK berperanan dalam menguruskan sukan, kokurikulum, dan kebudayaan pelajar dengan terancang dan sistematik selaras dengan Jadual Penyelarasan FRP dengan mensasarkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam bidang tersebut di semua peringkat. Selain itu, USKK

memainkan peranan dalam memastikan kehadiran pelajar dalam aktiviti sukan, kokurikulum, dan kebudayaan melebihi 90 peratus, dan memastikan lebih daripada 95 peratus pelajar lulus dalam penilaian aktiviti kokurikulum. USKK memperluaskan lagi penganjuran pelbagai program melalui program pengantarabangsaan dari segi khidmat komuniti dan kepakaran serta kajian bagi memperkasakan nilai tambah dan jati diri pelajar.

Kem Kepimpinan & Teambuilding AJK USKK 2016. Towards Excellent Leadership, begitulah moto bagi Kem Kepimpinan dan Teambuilding AJK USKK 2016. Program

berkonsepkan teambuilding ini merupakan program julung kali dianjurkan dengan gabungan staf dan jawatankuasa Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (USKK). Program ini adalah dibawah kelolaan Pn Muzimah Aida Md Mustafa sebagai Pengarah Program. Penglibatan peserta dan jawatankuasa program adalah di kalangan para pelajar yang akan menerajui jawatankuasa pelajar USKK tahun 2016 dan staf USKK. Program ini turut melibatkan ketua-ketua platur unit uniform PKB iaitu RELASIS, PISPA dan ASKAR WATANIAH. Kem ini telah berkampung selama tiga hari dua malam bermula pada 3 hingga 5 Disember 2015 bertempat di Tasik Kenyir. Pelbagai aktiviti ikhtiar hidup, kerohanian dan motivasi diadakan untuk memberi pelbagai pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dari aspek kepimpinan, jati diri, disiplin dan personaliti diri. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Latihan Dalam Kumpulan, teknik ikhtiar hidup, perkhemahan, explorasi, pengurusan organisasi dan slot motivasi serta kerohanian. Program ini turut menekankan aspek kerjasama berpasukan dimana pelbagai aktiviti gandingan staf dan jawatankuasa pelajar dilibatkan serentak dalam satu kumpulan. Secara tidak langsung, program ini telah berjaya mengeratkan silaturahim ke arah membentuk semangat kerjasama yang jitu dan harmoni dalam satu organisasi. Peserta program juga telah berjaya merangka pelbagai program anjuran USKK bagi Tahun 2016 dengan lebih sistematik dengan pelbagai pendedahan dan pengalaman tentang ilmu pengendalian program.

BAKSIS USKK PKB 2015. BAKSIS USKK PKB 2015 merupakan program bakti siswa dan khidmat komuniti yang melibatkan pelajar semester satu unit uniform di Politeknik Kota Bharu iaitu RELASIS, PISPA dan ASKAR WATANIAH. Khidmat komuniti ini diadakan pada 10 hingga 12 September 2015 bersama dengan penduduk Kampung Rengas, Mukim Changgung, Bachok, Kelantan di mana purata mata pencarian warga penduduk adalah sebagai nelayan. Program ini dikendalikan Pn Muzimah Aida Md Mustafa sebagai Pengarah program dan diberi oleh jawatankuasa pelajar Unit Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum (USKK) tahun 2015 dengan. Pelbagai program jati diri dan kepimpinan dari aspek kemahiran dan khidmat sosial dijalankan sepanjang program seperti Jom Bersih

Pantai, Lawatan Muhibah dan Khidmat kepada Warga Emas dan Miskin, Jom Bersih Kampung, sumbangan kepakaran teknikal dan baikpulih, sukaneka dan perkhemahan. Perasmian program telah disempurnakan oleh mantan Timbalan Pengarah Akademik PKB, En Kamaluddin Daud. Program ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan antara kelompok pelajar dan masyarakat selain pelaksanaan program amat relevan dengan kandungan kursus ketiga-tiga unit uniform yang dipelajari di Politeknik.

Semarak Merdeka PKB 2015 #Sehati Sejawa. Bertepatan dengan bulan kemerdekaan Malaysia yang ke 58, PKB telah menganjurkan dan menyertai pelbagai aktiviti kemerdekaan sama ada di peringkat jabatan, politeknik dan juga negeri. Program-program ini telah menjadi wadah untuk memupuk semangat kekitaan dan berpasukan bagi mencapai matlamat kecintaan terhadap tanahair demi menyahut matlamat kerajaan iaitu ‘1 Malaysia’.

i. **Kejohanan Paintball Merdeka 2015.** Setiap pasukan daripada unit uniform RELASIS, PISPA dan ASKAR WATANIAH telah menyertai kejohanan ini. Kejohanan anjuran USKK ini dilaksanakan pada 29 Ogos 2015 di bawah kendalian Pn Wee Siew Ping selaku Pengarah Program. Juara kejohanan menjadi milik platur RELASIS yang diadili oleh barisan marshal dan Kapten Mohd Azri Ab Ghani selaku Ketua Marshal Kejohanan Paintball. Majlis Perasmian Program dan sesi penyampaian cenderamata kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Mantan Timbalan Pengarah Akademik PKB, En Kamaluddin Daud bertempat di Padang Paintball PKB.

ii. **Perarakan Kemerdekaan Malaysia 2015 Peringkat Negeri Kelantan.** Seramai 40 orang staf dan pelajar PKB unit uniform RELASIS, PISPA dan ASKAR WATANIAH telah bergabung membentuk satu kontinjen perbarisan kemerdekaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2015 peringkat Negeri Kelantan. Kekuatan anggota kontinjen PKB disertai seramai 38 orang dibawah pimpinan Pn Muzimah Aida Md Mustafa. Program ini dilaksanakan pada 31 Ogos 2015 di Institut Kemahiran Belia Negara, Tangok, Bachok, Kelantan.

UNIT SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN

iii. Gotong-Royong Merdeka Askar Wataniah PKB. Askar Wataniah PKB telah mengadakan gotong-royong di kawasan sekitar PKB sempena salah satu aktiviti bulan kemerdekaan. Program khidmat komuniti ini telah dijalankan pada 7 September 2015 di bawah pimpinan Kapten Mohd Azri Ab Ghani. Program ini telah berjaya menyemai sikap bekerjasama dan bersatu hati disamping meningkatkan disiplin dalam diri pelajar.

iv. Majlis Perasmian Semarak Merdeka #Sehati Sejiwa. Sebagaimana institusi dan agensi-agensi yang lain, PKB turut tidak ketinggalan dalam mengadakan pelbagai aktiviti kemerdekaan. Majlis ini dilaksanakan sebagai permulaan kepada program kemerdekaan PKB pada 9 September 2015. Majlis gilang-gemilang ini dirasmikan oleh En Kamaluddin Daud, Mantan Timbalan Pengarah Akademik PKB dengan disaksikan oleh barisan staf pengurusan tertinggi PKB, semua staf dan pelajar Kokurikulum semester 2 dan 3 di Dewan Jubli Perak, PKB. Majlis ini disusuli dengan Larian Jalur Gemilang melibatkan pelajar Kokurikulum semester satu dan tiga.

v. Merdekarama. Merdekarama merupakan salah satu program kemerdekaan berkonsepkan kebudayaan yang julung kali dianjurkan oleh USKK PKB. Program ini berlangsung pada sebelah malam jam sembilan malam 9 September 2015 di Dewan Jubli Perak, PKB jam 0900 malam. Program ini menjadi wadah untuk melahirkan rasa cinta kepada tanahair dan memperingati para pejuang tanahair untuk menuntut kemerdekaan melalui aktiviti kebudayaan. Persembahan kebudayaan ini dipersembahkan melalui persembahan puisi dan pertandingan lagu patriotik yang diwakili oleh para pelajar.

vi. Perbarisan Hari Malaysia. Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan PKB telah diberi tanggungjawab menyahut seruan negara untuk melaksanakan program Sambutan Kemerdekaan Negara ke 58 bagi tahun 2015. Beberapa aktiviti telah dijalankan bagi menjayakan program ini. Program ini dilaksanakan pada 16 September 2015 di

Stadium Sultan Muhammad Ke IV, Kota Bharu. Kontinen PKB disertai oleh 40 orang anggota unit uniform RELASIS, PISPA dan ASKAR WATANIAH dibawah pimpinan Pn Muzimah Aida md Mustafa selaku ketua kontinen, Pn Ruzila Mat Ghani dan En Junekh Eyt Eng Tian A/L Juan.

Malaysia Polytechnic Territorial Army Annual Camp Siri 10/2015 (MalPTAAC). 35 orang anggota pelajar dengan diiringi dua orang pegawai PKB serta enam orang anggota telah mewakili PKB MalPTAAC SIRI 10/2015. MalPTAAC merupakan program perkhemahan tahunan bagi anggota Askar Wataniah Politeknik Malaysia yang dianjurkan oleh Bahagian Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik dengan kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia. Program ini berkampung di Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak pada 1 hingga 15 Jun 2015. Para peserta telah mengharumkan nama PKB dengan memperolehi tempat ke lima keseluruhan. Antara pencapaian cemerlang PKB adalah mendapat tempat kedua dalam acara menembak praktis 2 (berdiri), mendapat tempat ketiga dalam acara menembak praktis 1 (meniarap), mendapat tempat keempat dalam acara kawad kaki, mendapat tempat ke 14 dalam acara Multi Relay, anugerah Ketua Perbarisan Terbaik bagi MalPTAAC 10, dan menjuarai acara Futsal.

Kejohanan Liga Paintball TaHa@U Peringkat Zon Timur. Pada 16 Mei 2015, Tabung Haji telah menganjurkan kejohanan Liga Paintball TaHa@U peringkat Zon Timur di Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (UNISZA). PKB turut menghantar penyertaan seramai 21 orang peserta mewakili tiga pasukan dan enam orang pengadil di kalangan pelajar. Pada kejohanan kali ini, ketiga-tiga pasukan Paintball PKB telah mencipta sejarah setelah terpilih mewakili Zon Timur ke Kejohanan Peringkat Kebangsaan di Universiti Putra Malaysia, Selangor. Begitu juga pelajar yang bertugas sebagai Marshal telah mendapat pujian di atas kecekapan pengadilan mereka dari pihak pengawal. Pasukan PKB C telah dinobatkan sebagai Juara Kejohanan dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM1000. Manakala, Pasukan PKB B muncul naib juara dengan

hadiah wang tunai RM800. Pasukan PKB A pula mendapat tempat ketujuh dengan hadiah wang tunai bernilai RM150.

Jamboree Unit Uniform 2015. Setiap tahun Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan menganjurkan perkhemahan tahunan unit uniform PKB yang dinamakan Jamboree Unit Uniform. Pada tahun 2015, program ini berjaya menggabungkan 100 orang pelajar semester satu ketiga-tiga unit uniform iaitu RELASIS, PISPA dan ASKAR WATANIAH dibawah pimpinan En Junekh Eyat Eng Tian A/L Juan dan barisan jawatankuasa staf dan pelajar USKK. Perkhemahan ini diadakan di Politeknik Kota Bharu pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2015. Setiap peserta di uji dengan pelbagai aktiviti ikhtiar hidup dan jati diri seperti pertandingan perkhemahan, kawad kaki, jalan lasak, eksplorasi, burung hantu, paintball (target shooting), dan malam kebudayaan. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Kota Bharu, Tn Hj Noor Azahan Othman. Pada pertandingan tersebut, Askar wataniah telah mengungguli johan keseluruhan pertandingan. Manakala, unit uniform RELASIS mengatasi PISPA dengan merangkul naib johan pertandingan.

PKB Sports Excellence Award 2014. Majlis anugerah PKB Sports Excellence Award 2014 telah berjaya dianjurkan bagi meraikan dan menghargai para atlet PKB yang telah mewakili dan mengharumkan nama PKB sepanjang tahun 2014. Program ini berlangsung dengan penuh gilang-gemilang pada 23 Februari 2014 bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB. 28 anugerah telah disampaikan kepada 14 jenis sukan yang menonjol sepanjang tahun 2014 di mana bagi setiap jenis sukan diperuntukkan dua anugerah iaitu Anugerah Atlet Terbaik dan Anugerah Atlet Harapan. Terdapat dua anugerah khas iaitu Anugerah Tokoh Sukan PKB yang diberikan kepada En Fazilah Musa dan Anugerah Ikon Sukan PKB yang diberikan kepada saudara Mohd Farisham Ismail. Majlis perasmian dan penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Tn Hj Azahan Hj Daud. Secara tidak langsung, pengiktirafan ini dapat membantu meningkatkan bilangan atlet PKB yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atas faktor kecemerlangan dalam bidang sukan selain akademik.

Kejohanan Taekwondo MSP 2015. Kejohanan Taekwondo MSP 2015 pada kali ini dianjurkan oleh Politeknik Mersing Johor selaku Pusat Pembangunan Sukan (PPS) Taekwondo Politeknik Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP). Kejohanan ini telah berlangsung di Politeknik Mersing. Pasukan taekwondo PKB telah diwakili oleh sembilan orang peserta lelaki dan sembilan orang peserta wanita dengan diiringi dua orang pegawai. Pada kejohanan ini, pasukan taekwondo PKB telah membawa pulang satu pingat emas dan tiga pingat gangsa. Kejohanan ini menjadi salah satu platform untuk menempatkan nama PKB sebaris politeknik lain dalam sukan taekwondo.

Kejohanan Sofbol Jemputan Politeknik Malaysia 2015. Kejohanan Sofbol Jemputan Politeknik Malaysia 2015 telah dianjurkan oleh Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Kejohanan pada kali ini bukan sahaja disertai oleh pasukan softbol dari politeknik Malaysia dan IPT tempatan tetapi turut disertai pasukan luar negara seperti Thailand dan Iran. Pasukan PKB diwakili oleh 15 orang pemain dan dua orang pegawai. Kejohanan ini telah berjaya mengasah kemahiran dan menonjolkan bakat kepada para pemain dalam kejohanan sukan yang kompetitif selain dapat menjalankan program pengantarabangsaan suakan softbol.

Kejohanan Liga Hoki Politeknik Malaysia 2015 Div. 1, Kejohanan Hoki Piala Ketua Pengarah JPP 2015, dan Karnival Hoki Wanita Politeknik Malaysia 2015. Kejohanan Liga Hoki Politeknik Malaysia 2015 Divisyen satu telah diadakan di Stadium Hoki Kangar, Perlis pada 30 April hingga 5 Mei 2015. Manakala Kejohanan Hoki Piala Ketua Pengarah JPP 2015 dan Karnival Hoki Wanita Politeknik Malaysia 2015 pula berlangsung di Stadium Hoki MBMBB, Melaka anjuran Politeknik Ibrahim Sultan. Kedua-dua kejohanan ini pula berlangsung pada 28 September hingga 3 Oktober 2015. Pasukan hoki lelaki PKB telah berjaya merangkul tempat ketiga bagi kejohanan divisyen satu dan telah mendapat tempat kelima bagi Kejohanan Hoki Piala Ketua Pengarah JPP 2015. Manakala, pasukan wanita PKB telah berjaya mendapat tempat keempat dalam Karnival Hoki Wanita Politeknik Malaysia 2015. Melalui kejohanan ini, secara tidak langsung Pasukan Hoki PKB telah berjaya menaikkan nama PKB di mata masyarakat dalam bidang

UNIT SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN

LAPORAN TAHUNAN
2015
Politeknik Kota Bharu



A



B



C



A



C



C



B



C



C

- A Kem Kepimpinan & Teambuilding AJK USKK 2016
- B BAKSIS USKK PKB 2015
- C Semarak Merdeka PKB 2015 #Sehati Sejiwa
- D Malaysia Polytechnic Territorial Army Annual Camp Siri 10/2015 (MalPTAAC)
- E Kejohanan Liga Paintball TaHa@U Peringkat Zon Timur

- F Jamboree Unit Uniform 2015
- G PKB Sports Excellence Award 2014
- H Kejohanan Taekwondo MSP 2015



C



E



G



D



F



G



E



F



H

UNIT SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN

sukan khususnya sukan hoki baik di peringkat negeri maupun nasional.

Kejohanan Bola Tampar Jemputan MSP 2015. Kejohanan Bola Tampar Jemputan MSP 2015 dianjurkan oleh Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan telah berlangsung di PSAS. Pasukan PKB diwakili oleh 12 orang pemain dan seorang pegawai selaku jurulatih iaitu En Mohd Zulkafli Bin Mohamed. Pencapaian pasukan PKB pada kejohanan kali ini adalah dinobatkan selaku naib johan kejohanan. Dua orang pemain PKB telah berjaya meraih anugerah sebagai Server Terbaik dan Receiver Terbaik. Selain itu, empat orang pemain PKB juga telah terpilih untuk mewakili Pasukan Majlis Sukan Politeknik (MSP) ke temasya SUKIPT 2016. Penyertaan Pasukan Bola Tampar PKB dalam kejohanan seumpama ini telah membuka ruang kepada para pemain untuk merasai pengalaman bertanding bersama pasukan politeknik seluruh Malaysia. Secara tidak langsung, taraf dan prestasi Pasukan Bola Tampar PKB dapat ditingkatkan setaraf dengan pasukan handalan yang lain.

Kejohanan Badminton MSP Grand Final 2015. Majlis Sukan Politeknik dengan kerjasama Politeknik Merlimau telah menganjurkan Kejohanan Badminton MSP Grand Final 2015. Kejohanan ini telah berlangsung pada 1 hingga 4 Oktober di Politeknik Merlimau Melaka kesinambungan daripada Kejohanan Badminton MSP Sirkit 1 dan Sirkit 2 pada bulan Ogos dan September 2015. Acara yang dipertandingkan adalah perseorangan lelaki dan wanita serta beregu lelaki dan wanita. PKB telah berjaya dinobatkan selaku naib johan bagi beregu wanita setelah tewas kepada pasangan beregu daripada Politeknik Kota Kinabalu pada saingan peringkat akhir.

Karnival Sukan MSP Zon Timur 2015. PKB telah dinobatkan selaku juara keseluruhan Karnival Sukan Majlis Sukan Politeknik (MSP) Zon Timur 2015. PKB telah memungut sebanyak 6 emas, 5 perak dan 2 gangsa melalui acara sukan badminton, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan skuasy. Karnival sukan ini telah dianjurkan kerjasama antara Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dengan Politeknik Muadzam Shah (PMS). Sebanyak enam acara sukan telah dipertandingkan pada temasya kali ini iaitu badminton, boling, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan skuasy. PKB telah Berjaya meletakkan nama sebagai sebuah politeknik yang gah dalam bidang sukan melalui kejayaan yang dikecapai.

Karnival Sukan PKB: Hari Sukan Negara. Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan PKB telah menyahut seruan Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menganjurkan program sukan bersempena sambutan Hari Sukan Negara. Karnival Sukan PKB telah dilaksanakan bermula dari 8 hingga 10 Oktober 2015 di PKB dan Gelanggang Hidayah Futsal yang melibatkan penyertaan di kalangan staf dan pelajar. Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah badminton dan futsal untuk staf manakala acara memanah, paintball dan badminton dianjur khas untuk pelajar. Penyertaan yang diterima daripada staf dan pelajar untuk semua acara sukan amatlah menggalakkan. Program ini berjaya mencungkil bakat sukan di kalangan warga PKB dan boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Kemantapan jalinan ukhuwah fillah dan hubungan silaturrahim di kalangan warga PKB juga terjalin utuh.

Bil	Aktiviti	Tarikh	Anjuran	Lokasi
1	Kejohanan Futsal	27/8/2015	Kelab Futsal	Cahaya Futsal, Kok Lanas
2	Program Asas Kayak	9/12/2015	Kelab Kayak	Pulau Melaka
3	Prog. Jom Belajar Microsoft Word & Power Point	10/7/2015	Kelab Komputer	GCL 1, PKB
4	Program Lawatan	9/12/2015	Kelab Nasyid	Tmn. Tamadun Islam, Terengganu
5	Program Lawatan Akademik	19/08/2015	Kelab Audio Visual	RTM Kelantan

Bil	Aktiviti	Tarikh	Anjuran	Lokasi
6	Prog. Kenali Alam	21/08/2015	Kelab Kembara	Kem Sri Nipah, Bachok
7	Seminar Kesedaran Hak2 Pengguna	9/2/2015	Kelab Pengguna	PKB
8	Pertandingan Mencipta Rehal	9/2/2015	Kelab Rekacipta	PKB
9	Pertandingan Kompang	23/09/2015	Kelab Kompang	PKB
10	Kejohanan Bola Tampar	23/09/2015	Kelab Bola Tampar	PKB
11	Kejohanan Badminton	7-8/10/2015	Kelab Badminton	PKB
12	Kejohanan Pentaque	20/08/2015	Kelab Pentaque	PKB
13	Program Amal Pispa	22/08/2015	PISPA (Bravo)	Terengganu
14	Pertandingan Memanah Tertutup	29/08/2015	Kelab Memanah	PKB
15	Snorkeling	3-5/9/2015	Kelab Biodiversiti	Pulau Perhentian
16	Kejohanan Karom	9/5/2015	Kelab Karom	PKB
17	Pertandingan Tarian Tradisional	9/9/2015	Kelab T.tradisional	PKB
18	Pertandingan Wau Cahaya	30/09/2015	Kelab Layang-layang	PKB
19	Lawatan Ke Padang Golf	26/08/2015	Kelab Golf	Kem Desa Pahlawan
20	Kem Jatidiri Askar Wataniah	10-12/9/2015	Askar Wataniah	Raub, Pahang
21	Program Rumah Anak Yatim	4-5/9/2015	Askar Wtaniah	Perkaya, Kuala Terengganu
22	Perbarisan Kemerdekaan Ke 58	16/08-16/09/2015	USKK & JHEP	IKTBN Tangok & SSM IV
23	Gotong Royong Merdeka AW	9/2/2015	DRB1010, DRB2011, DRB3021	Kampus PKB
24	Program Luar Kampus	29/09/2015	Kelab Tarannum	Terengganu
25	Kejohanan Paintball Psas	3-5/09/2015	Kelab Paintball Pkb	PSAS, Perak
26	Keusahawanan Paintball	22/8-30/11/2015	Kelab Paintball Pkb	PKB
27	Pertandingan Kawad Kaki Sem 1	30/09/2015	USKK	PKB
28	Semarak Merdeka	9/9/2015	USKK	PKB
29	Kursus Marshall Paintball	10/10/2015	USKK	PKB
30	Dikir Barat	26/08/2015	Kelab Dikir Barat	PKB
31	Lawatan Kademik Ke Muzium Perang	17-19/9/2015	Askar Wataniah,Golf	Muzium Perang, P. Pinang
32	Program Keceriaan Bilik Kuliah	16/9/2015	Kelab Mesra Alam	PKB
33	Pertandingan Catur	9/9/2015	Kelab Catur	PKB
34	BAKSIS USKK	10-12/9/2015	DRB1010,1050,1090	Kg. Nipah, Bachok
35	Pertandingan Memanah Tertutup	10/10/2015	DRS2131	PKB
36	Back To Basic Leadership	17-19/9/2015	DRB1010,1050,1090	Tmn. Etnobotani, Gua Musang
37	Kursus Asas Askar Wataniah	18-19/9/2015	DRB1010,2011,3012	PKB
38	Pertandingan Kelab Tenis	23/9/2015	DRS2231-Kelab Tenis	PKB
39	Lawatan Amalan 5S	30/09/2015	DRK3012-Amalan 5S	KKTM Pasir Mas
40	Kursus Asas PISPA	1-3/10/2015	DRB1050-PISPA	PKB
41	Pengenalan Asas Microsoft Word	28/09/2015	DRK3112-Kelab Komputer	SKPK & SK Desa Pahlawan
42	Pameran Kelab Fotografi	10/7/2015	DRK3052-Kelab Fotografi	PKB

UNIT SUKAN, KOKURIKULUM & KEBUDAYAAN



H Kejohanan Taekwondo MSP 2015

I Kejohanan Sofbol Jemputan Politeknik Malaysia 2015

J Kejohanan Liga Hoki Politeknik Malaysia 2015 Div. 1, Kejohanan Hoki Piala Ketua Pengarah JPP 2015, dan Karnival Hoki Wanita Politeknik Malaysia 2015

K Kejohanan Bola Tampar Jemputan MSP 2015

L Kejohanan Badminton MSP Grand Final 2015

M Karnival Sukan MSP Zon Timur 2015

N Karnival Sukan PKB: Hari Sukan Negara



UNIT PEPERIKSAAN

Taklimat Penggubalan Item Peperiksaan Sesi Disember 2015.

Satu taklimat penggubalan item peperiksaan untuk para pensyarah telah diadakan pada 15 Disember 2015, demi menghasilkan soalan-soalan peperiksaan yang bermutu. Dalam taklimat ini, para peserta telah diberikan penerangan tentang kaedah, peraturan, format penggubalan item peperiksaan akhir semester yang terkini kepada para pensyarah yang dilantik untuk menggubal soalan-soalan peperiksaan berdasarkan FEST subjek berkenaan. Taklimat ini dihadiri oleh 50 orang peserta.

Urusetia Peperiksaan Akhir Semester Sesi Dis 2014 dan Sesi Jun 2015.

Pada setiap semester, peperiksaan akhir akan diadakan sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk penganugerahan diploma kepada pelajar-pelajar PKB. Semua jabatan akademik terlibat dalam peperiksaan akhir. Unit Peperiksaan PKB telah berperanan dalam memastikan hal-hal berkaitan urusan peperiksaan berjalan lancar merangkumi penyediaan soalan dan skema pemarkahan, penyediaan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir dan Jadual Bertugas Pengawas Peperiksaan. Bagi tahun 2015, Peperiksaan Akhir telah berlangsung pada 5 – 23 April 2015 dan 18 Oktober – 5 November 2015. Dengan kerjasama semua pihak, kedua-dua peperiksaan ini telah berjalan lancar.



Unit PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri merupakan satu syarat wajib bagi semua pelajar dalam program pengajian politeknik. Latihan industri memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran. Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) merupakan satu unit akademik yang bertanggungjawab untuk mengurus semua aktiviti yang berkaitan dengan latihan industri pelajar. UPLI sentiasa berusaha memastikan semua pelajar yang layak mengikuti latihan industri berjaya ditempatkan di organisasi latihan. UPLI juga sentiasa bekerjasama bersama industri bagi memastikan hubungan baik diantara politeknik dan industri

dapat dikekalkan serta dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Semua pelajar diharapkan dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari semasa menjalani latihan industri. Pelajar juga diharapkan dapat mempraktikkan kemahiran sosial dan mengamalkan kerja secara berpasukan, mematuhi semua polisi yang ditetapkan dan diharapkan pengalaman yang dimiliki dapat digunakan dalam menempuh alam pekerjaan.

Taklimat Latihan Industri. Sepanjang tahun 2015, UPLI telah mengadakan taklimat latihan industri kepada pelajar yang bakal menjalani latihan industri. UPLI telah menjemput

UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

wakil industri untuk menyampaikan taklimat berkenaan keperluan industri pada masa kini sebagai persediaan kepada pelajar memohon tempat latihan industri. Pada 13 Januari 2015, UPLI telah menjemput Pn Fadhilah Ismail wakil dari Blackfox Engineering Sdn Bhd untuk menyampaikan taklimat industri. Manakala bagi sesi Jun 2015, UPLI telah menjemput wakil dari Ain Medicare iaitu En Azman Hasbullah dalam penyampaian taklimat industri kepada pelajar yang bakal menjalani latihan industri.

Statistik Keputusan Akhir Latihan Industri Sesi Disember 2014

Jabatan	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jum
1. JKA	246 (84.25%)	39 (13.36%)	4 (1.37%)	3 (1.02%)	292
2. JKE	242 (82.31%)	45 (15.31%)	1 (0.34%)	6 (2.04%)	294
3. JKM	356 (83.18%)	67 (15.65%)	3 (0.7%)	2 (0.47%)	428
4. JP	265 (84.9%)	42 (13.5%)	2 (0.6%)	3 (1.0%)	312
JUMLAH	1109 (83.63%)	193 (14.56%)	10 (0.75%)	14 (1.06%)	1326

Analisa Keputusan Akhir Latihan Industri Sesi Dis 2014

Kategori	Bil	Peratus
Bilangan pelajar lulus dengan cemerlang	1109	83.63 %
Bilangan pelajar lulus (kepujian + lulus)	203	15.31 %
Bilangan pelajar gagal	14	1.06%

Statistik Keputusan Akhir Latihan Industri Sesi Jun 2015

Jabatan	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal	Jum
1. JKA	134 (84.3%)	23 (14.5%)	1 (0.6%)	1 (0.6%)	159
2. JKE	82 (68.33%)	35 (29.17%)	0	3 (2.50%)	120
3. JKM	50 (87.72%)	6 (10.53%)	0	1 (1.75%)	57
4. JP	69 (87.34%)	10 (12.66%)	0	0	79
JUMLAH	335 (80.723%)	74 (17.831%)	1 (0.241%)	5 (1.205%)	415

Analisa Keputusan Akhir Latihan Industri Sesi Jun 2015

Kategori	Bil	Peratus
Bilangan pelajar lulus dengan cemerlang	335	80.723 %
Bilangan pelajar lulus (kepujian + lulus)	75	18.072%
Bilangan pelajar gagal	5	1.205%



A Taklimat Latihan Industri



Unit **PERPUSTAKAAN**

Perpustakaan Politeknik Kota Bharu (PKB) bertanggungjawab untuk menyediakan koleksi yang berkualiti serta perkhidmatan yang efisien dan berhemah bagi memenuhi kehendak pelanggan sejajar dengan visi, misi dan objektif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Pada tahun 2015, Perpustakaan PKB telah menjalankan pelbagai program serta perkhidmatan perpustakaan yang cemerlang bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat. Program galakan membaca merupakan fokus utama perpustakaan dalam menerapkan budaya membaca dan meningkatkan penggunaan perpustakaan khususnya di kalangan pelajar dan amnya kakitangan PKB.

Dengan penubuhan Kelab Rakan Pustaka (KRP), pelajar

didedahkan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan PKB. Penyertaan pelajar dalam KRP adalah amat menggalakkan.

Penggunaan Sistem Perpustakaan Bersepadu - KOHA, yang telah mula di gunapakai sejak 2010 telah meningkatkan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Sebanyak 2,446 naskhah bahan telah dimasukkan ke dalam sistem KOHA sepanjang tahun lepas. Jumlah keseluruhan yang telah dimasukkan ke dalam sistem ini sebanyak 38,107 naskhah.

Senarai Staf Perpustakaan 2015**Statistik Penggunaan Perpustakaan 2015**

Nama Pegawai	Jawatan	Gred
1. Kasuma Dewi Said	Ketua Unit	S44
2. Noormey Mohd Nor	Pustakawan	S41
3. Mohamad Azwar Junoh	Penolong Pegawai Perpustakaan	S32
4. Noorizatul Akmal Mohd Noor	Pembantu Perpustakaan	S17
5. Mohd Noraidi Jaafar	Pembantu Perpustakaan	S17
6. Elahan Che Bakar	Pembantu Perpustakaan	S17
7. Mimi Afida Che Mansor	Pembantu Perpustakaan	S17
8. Nurul Fatihah Mat Isa	Pembantu Perpustakaan	S17
9. Juhaizan Jopely	Pembantu Perpustakaan	S17

Bulan	Pengunjung	Pinjaman	Pembaharuan	Penggunaan Web Opac
Jan	16,704	208	82	93
Feb	13,544	181	80	143
Mac	21,013	172	35	201
Apr	7,016	69	25	107
Mei	1,086	0	0	3
Jun	9,247	0	0	0
Jul	11,522	37	5	33
Ogos	23,524	164	16	128
Sept	4,562	122	26	77
Okt	2,832	117	23	60
Nov	4,069	331	7	80
Dis	12,704	292	62	133
Jumlah	127,823	1693	361	1,058

Koleksi Bahan-bahan Perpustakaan 2015

Jenis Bahan	Jumlah
1. Bahan-bahan rujukan (Buku/bahan Multimedia dll.)	38,107 unit
2. Langganan Majalah/Jurnal	30 judul
3. Langganan Akhbar Harian	5 judul

Peruntukan Perpustakaan 2015

Bil.	Pecahan kepala	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	OS 26000	800.00
2.	OS 27000	29 855.47
3.	OS 28000	8 209.80
4.	OS 29000	8 403.00
5.	OS 42000	54 968.00
6.	OS 35000	83 963.59
Jumlah		186 199.86

Majlis Apresiasi Politeknik Kota Bharu 2015. Unit Perpustakaan PKB telah memenangi beberapa anugerah yang telah disampaikan semasa Majlis Apresiasi PKB 2015 pada 14 Januari 2016 bertempat di Dewan Jubli Perak. Anugerah yang dimenangi ialah Anugerah Unit Terbaik 2015, Anugerah Kiosk Terbaik 2015, Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik 2015 (Pn Kasuma Dewi Said) dan Anugerah Usahawan Terbaik 2015 (Nur Imani Fadhlina Sakina Mat Zain – Ahli KRP).

Lawatan Pengantarabangsaan ke Jakarta dan Bandung. Perpustakaan PKB telah mengadakan lawatan pengantarabangsaan ke Indonesia yang diketuai oleh Pn Kasuma Dewi Said. Lawatan ini merupakan lawatan julung kali ke luar negara yang dianjurkan oleh Unit Perpustakaan PKB dengan kerjasama Kelab Rakan Pustaka (KRP). Lawatan ini telah diadakan pada 8 hingga 12 Mei 2015 selama 4 hari 3 malam. Seramai 10 orang ahli Kelab KRP bersama enam orang staf pengiring telah menyertai lawatan ini. Tujuan lawatan ini adalah untuk meningkatkan sahsiahan diri pelajar, menambah pengetahuan pelajar dalam

UNIT PERPUSTAKAAN

pengendalian program, mendedahkan pelajar kepada sosiobudaya di negara lain dan membuka minda pelajar terhadap dunia luar. Antara tempat yang dilawati di Jakarta ialah National Monument (MONAS), Taman Mini Indonesia dan Tanah Abang. Manakala di Bandung ialah Kawah Putih, Pasar Baru, Jalan Cihampelas, Jalan Dago dan Rumah Mode.

Lawatan ke Perpustakaan UNIMAP dan Teambuilding ke Pulau Langkawi. Perpustakaan PKB telah mengadakan lawatan ilmiah bersama ahli KRP ke UNIMAP. Seterusnya mengadakan program teambuilding ke Pulau Langkawi untuk memupuk ukhuwah di kalangan ahli kelab. Pengarah program dan fasilitator kumpulan 4 bagi lawatan kali ini ialah Pn Fatihah Mat Isa dan dibantu oleh semua ahli kumpulan 4. Lawatan ini telah diadakan selama empat hari iaitu dari 27 hingga 30 Ogos 2015 dan disertai oleh seramai 36 orang pelajar dan diiringi oleh 10 orang staf. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi idea, pendapat dan amalan terbaik Perpustakaan UNIMAP yang boleh diaplikasikan di Perpustakaan PKB. Melalui lawatan ini juga dapat memperkuuhkan lagi ukhuwah dan sekali gus dapat membangkitkan semangat kerja berpasukan antara pelajar dan staf.

Pertandingan Mewarna Sempena Konvokesyen PKB Ke-28. Program ini telah dijalankan selama 3 hari iaitu pada 2 hingga 4 Mac 2015 di hadapan foyer Perpustakaan. Ianya berjalan serentak semasa Majlis Konvokesyen PKB Ke-28 berlangsung. Selain pertandingan mewarna, aktiviti bercerita juga diadakan. Seramai 20 orang kanak-kanak telah menyertai aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut. Program ini telah mendapat sambut baik daripada masyarakat setempat. Impak program ini adalah meningkatnya budaya membaca dalam kalangan masyarakat setempat sekali gus dapat menarik minat membaca di kalangan kanak-kanak seperti kata pepatah ‘melentur buluh biar dari rebungnya’.

Program Gerak Baca : Learn & Enjoy. Amalan membaca yang dititikberatkan sebagai gaya hidup dan tabiat

sepanjang hayat boleh menjadikan seseorang individu itu kaya dengan ilmu pengetahuan. Justeru, Perpustakaan PKB telah menganjurkan Program Gerak Baca : Learn & Enjoy pada 1 Jun 2015 bertempat di Perpustakaan PKB. Kumpulan sasaran terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori A berumur lima hingga tujuh tahun, manakala Kategori B berumur lapan hingga 10 tahun. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah ‘Telaga Minda’, ‘Pertandingan Mewarna’ dan ‘Sesi Bercerita’. Ianya bertujuan memberi pendedahan tentang ilmu pengetahuan melalui pelbagai aktiviti bagi menggalakkan penyertaan kanak-kanak di usia kecil lagi khususnya bagi anak-anak staf PKB bagi mengisi masa lapang sepanjang cuti sekolah.

Peminjam Buku Bertuah dan Peminjam Buku Tertinggi Bulanan. Aktiviti ini merupakan salah satu Aktiviti Galakan Membaca untuk menyemarakkan budaya membaca di kalangan pelajar bagi meningkatkan jumlah pelajar berkunjung ke perpustakaan dan menggunakan perkhidmatan yang telah disediakan. Aktiviti ini telah diadakan setiap bulan, peminjam yang bertuah dan tertinggi akan dipilih dan diberikan hadiah yang lumayan.

Aktiviti-aktiviti Lain 2015

Program	Tempat	Bil Peserta
1. Peminjam Bertuah Januari (Pelajar) (Jan 2015)	Perpustakaan PKB	70
2. Pertandingan Bowling Antara Kumpulan KRP (9 Jan 2015)	KB Mall	35
3. Peminjam Buku Tertinggi Februari (Pelajar) (Feb 2015)	Perpustakaan PKB	302
4. Dinner, Majlis Hari Jadi & Majlis Perpisahan Pelajar Praktikal/PSH (6 Feb 2015)	Betel Valley	7
5. Jejak Maklumat (8 Feb 2015)	PKB	42
6. Peminjam Buku Bertuah Februari (Feb 2015)	Perpustakaan PKB	70

Program	Tempat	Bil Peserta	Program	Tempat	Bil Peserta
7. Karnival Sukan Politeknik Kota Bharu (Pertandingan Catur) (8-10 Feb 2015)	Dewan Jubli Perak, PKB	40	24. Peminjam Buku Bertuah Julai (Julai 2015)	Perpustakaan PKB	1
8. Pertandingan Mewarna Sempena Konvokesyen PKB Ke-28 (2-4 Mac 2015)	Foyer Perpustakaan	20	25. Lawatan daripada PUSPANITA di G'Cafe (9 Ogos 2015)	Galeri PKB	8
9. Aktiviti Menghias Perpustakaan (16 Mac – 9 Jul 2015)	Perpustakaan	40	26. Program Lawatan ke Perpustakaan UNIMAP dan Teambuilding ke Pulau Langkawi (27-31 Ogos 2015)	Perlis & Pulau Langkawi	37
10. Majlis Perpisahan Sem. 6 (KRP) (26 Mac 2015)	KFC Kok Lanas	20	27. Peminjam Buku Bertuah & Tertinggi Ogos (Ogos 2015)	Perpustakaan PKB	2
11. Pameran & Jualan Buku (29 Mac – 2 Apr 2015)	Foyer Perpustakaan	29	29. Pertandingan Menghias Meja Terceria (20 Sep 2015)	Perpustakaan PKB	8
12. Peminjam Buku Bertuah & Tertinggi Mac (Mac 2015)	Perpustakaan	70	30. Peminjam Buku Bertuah & Tertinggi September (Sep 2015)	Perpustakaan PKB	2
14. Audit APACC (30 Mac 2015)	Perpustakaan	11	31. Pemenang Rekod Koha Tertinggi (Staf) (Jan - Okt 2015)	Perpustakaan PKB	1
15. 'Jom Baca Bersama' Selama 10 Minit (Let's Read Together) (23 Apr 2015)	Perpustakaan PKB	93	32. Majlis Makan Malam Perpisahan KRP Semesta 6 (15 Okt 2015)	Syam Restoran Kota Bharu	30
16. Lawatan daripada Politeknik Seberang Prai (PSP) (26 Apr 2015)	Perpustakaan	7	33. Lawatan Panel Juri Anugerah Keusahawanan MOHE (Lawatan ke G'Cafe) (26 Okt 2015)	G'Cafe, PKB	15
17. Lawatan Pelajar-pelajar (KEDAP dan Pemimpin Masyarakat Orang Asli daerah Jeli, Kelantan (6 Mei 2015)	Perpustakaan PKB	40	33. Peminjam Buku Bertuah & Tertinggi Oktober (Okt 2015)	Perpustakaan PKB	2
18. Lawatan Pengantarabangsaan ke Jakarta dan Bandung (8-12 Mei 2015)	Jakarta dan Bandung	16	35. Taklimat Perpustakaan Sesi November 2015 (29 Nov, 2 & 3 Dis 2015)	Perpustakaan PKB	350
19. Lawatan ke Pameran Buku Big Bad Wolf Books (11 Mei 2015)	UniSza	26	36. Bengkel Penyelarasan Takwim PKB (Staf) (6 Dis 2015)	Makmal GCL 7, PKB	25
20. Program Gerak Baca : Learn & Enjoy (1 Jun 2015)	Perpustakaan PKB	32	37. Majlis Hari Lahir KRP & Staf Perpustakaan 2015 (29 Dis 2015)	KFC, Kok Lanas	40
21. Bengkel Library of Congress Subject Heading & Class No. (2-3 Jun 2015)	Perpustakaan PKB	11	38. Peminjam Buku Bertuah & Tertinggi Disember (Dis 2015)	Perpustakaan PKB	2
22. Taklimat Perpustakaan Sesi Jun (21-25 Jun 2015)	Perpustakaan PKB	350	39. Peminjam Buku Tertinggi Disember (Dis 2015)	Perpustakaan PKB	1
23. Peminjam Buku Bertuah Jun (Jun 2015)	Perpustakaan PKB	1			

LAPORAN TAHUNAN
2015
Politeknik Kota Bharu



- A** Majlis Apresiasi Politeknik Kota Bharu 2015
- B** Lawatan Pengantarabangsaan ke Jakarta dan Bandung
- C** Lawatan ke Perpustakaan UNIMAP dan Teambuilding ke Pulau Langkawi
- D** Program Gerak Baca : Learn & Enjoy
- E** Peminjam Buku Bertuah dan Peminjam Buku Tertinggi

- F** Bulanan Pertandingan Mewarna Sempena Konvokesyen PKB Ke-28





Unit **PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA**

Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (UIDM) merupakan unit sokongan yang memberi perkhidmatan alat pandang dengar, multimedia dan fotografi kepada kakitangan dan pelajar secara efektif di PKB dalam meningkatkan kualiti proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Selain itu, unit ini berperanan dalam menyediakan perkhidmatan siaraya, rakaman video, liputan bergambar (fotografi), sistem pembesar suara (PA System), TV Info, tayangan video, kemudahan elektronik dan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV). Unit ini juga menjaga dan menyelia peralatan-peralatan yang digunakan bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik. Sepanjang 2015,

UIDM telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program-program besar di PKB seperti Minggu Suai Kenal Sesi Disember 2014 dan Sesi Jun 2015, Majlis Konvokesyen 2015, Akreditasi APACC, dan NCME 2015. Selain itu, UIDM juga menganjurkan kursus-kursus dalaman (KUDAP) seperti Bengkel Fotografi Advance pada 28 hingga 30 April 2015 di Bilik Tayangan UIDM dan Kursus Video Editing pada 7 hingga 9 Disember 2015 bertempat di Makmal Komputer GCL7. Di bawah bimbingan pegawai-pegawai di UIDM juga kami telah berjaya mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang fotografi dengan penubuhan Kelab Fotografi dan Multimedia yang bergerak aktif sehingga kini.

Bengkel Fotografi Advance. Bengkel ini telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2015 di Bilik Tayangan UIDM, dengan 22 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan kakitangan PKB. Bengkel ini dikendalikan oleh jurufoto profesional daripada Studio Mukmin, Kota Bharu. Antara pengisian bengkel ialah perkongsian teknik mengendalikan kamera, peraturan dan tatacara mengambil gambar di majlis-majlis rasmi dan praktikal penggunaan kamera. Bengkel ini dapat meningkatkan teknik mengambil gambar, dan memahami tanggungjawab dalam kaedah pengawalan, penjagaan serta penyelenggaraan peralatan (kamera) di UIDM.

Kursus Video Editing. UIDM berusaha untuk meningkatkan mutu video dalam kalangan warga PKB melalui Kursus Video Editing pada 7-9 Disember 2015, di Makmal GCL 7, PKB, melibatkan 13 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan kakitangan PKB. Kursus ini mendedahkan kaedah pembuatan video yang betul, merangkumi menyedia dan

mulakan projek, menyunting video, transitions dan video effects, mengendali audio dan memasukkan teks. Kursus ini mampu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tentang kerja-kerja penyuntingan video menggunakan Adobe Premiere.

Kerja-kerja Penyelenggaraan Tv Info Di PKB. Sepanjang Disember 2015, UIDM telah bertungkus lumus bagi memastikan Tv Info PKB dapat beroperasi di seluruh PKB dengan baik menjelang 2016. Hasilnya, TV Info dapat memulakan operasi pada masa yang telah ditetapkan dengan peningkatan mutu kualiti siaran dan sistem Tv Info dan dari segi pengisian dan penyusunan waktu jadual slot tayangan video seperti tazkirah, info terkini, dan rakaman program untuk manfaat warga PKB. UIDM juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara dan membaik pulih Tv Info.



A



B




C



A



B



C

A Bengkel Fotografi Advance
B Kursus Video Editing

C Kerja-kerja Penyelenggaraan Tv Info Di PKB



Unit SISTEM & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Kursus E-mel 1GovUC. Pengetahuan Staf PKB dalam penggunaan emel 1GovUC adalah sangat penting kerana ianya adalah medium perhubungan utama dalam penyebaran maklumat. Justeru, setiap staf perlu mahir dan cekap dalam menguruskan e-mel untuk kegunaan harian. Bagi mencapai matlamat ini, USTM telah menganjurkan Kursus E-mel 1GovUC pada 13 April 2015. Hasilnya staf PKB dapat menggunakan emel 1GovUc dengan sempurna.

Bengkel Configurasi Virtual Server PKB. Bagi memastikan Sistem Rangkaian PKB sentiasa berfungsi dengan baik dan teratur, Bengkel Configurasi Virtual Server PKB telah

diadakan pada 20 – 22 April 2015. Bengkel ini dapat meningkatkan pengetahuan kakitangan teknikal ICT PKB dalam konfigurasi server PKB seterusnya meningkatkan kemahiran dalam pengendalian server yang terdapat di PKB.

Bengkel Konfigurasi Rangkaian dan Server PKB. Bengkel Konfigurasi Rangkaian dan Server PKB yang telah diadakan pada 8- 10 Jun 2015 ini amat penting dalam meningkatkan kemahiran Staf USTM dalam menjalankan tugas harian. Selain itu, Staf USTM telah didedahkan dengan ilmu-ilmu baru berkaitan dengan rangkaian dan server, lalu dapat

mempertingkatkan tahap pengendalian dan penyenggaraan rangkaian dan server PKB.

Kursus Adobe Illustrator & Adobe Photoshop. Kursus yang telah dikendalikan oleh penceramah jemputan dari JMSK ini telah berjaya dilaksanakan pada 15 -16 Jun 2015, bertujuan untuk memberikan ilmu pengolahan grafik kepada Staf USTM. Melalui kursus ini, Staf USTM semakin yakin dalam penggunaan perisian tersebut seterusnya mampu membuat olahan grafik yang baik.

Pameran ICT. Pameran anjuran JKE yang julung kalinya disertai oleh USTM ini telah diadakan pada 28 Julai 2015. Penyertaan USTM dapat memberi kesan yang bermanfaat kepada pelajar PKB. Aktiviti yang baik seperti ini diharap dapat dijadikan acara tahunan dan kolaborasi ini amat baik dan memberi faedah kepada USTM dh JKE.

Penyelaras Video Conference Autodesk Malaysia Design Competition. USTM telah terlibat secara langsung dalam acara yang telah dianjurkan oleh Prestariang dan Politeknik Zon Timur ini. Sidang video yang diadakan pada 26 Jun 2015 ini bertujuan untuk mewarwarkan tentang pertandingan ini kepada semua politeknik terlibat secara berperingkat dan menggalakkan seramai mungkin pelajar menyertai pertandingan.

Penyelaras Video Conference bagi Mesyuarat Peperiksaan Politeknik. Mesyuarat Keselarasan

Peperiksaan yang telah dikendalikan oleh Pegawai Peperiksaan, Penyelaras JKM (YM Engku Muhammad Engku Ali), JKE (Puan Nor Aziah Abdullah) dan JP (En Ulaimi Yahya) ini telah berlangsung pada 26 November, 30 November dan 1 Disember 2015. USTM berperanan dalam memastikan penggunaan peralatan video conference yang optimum dan perjalanan mesyuarat berjalan lancar.



A Kursus E-mel 1GovUC

B Bengkel Konfigurasi Rangkaian dan Server PKB



Unit **PEMBANGUNAN & SENGGARAAN**

Unit Pembangunan dan Senggaraan adalah ditubuhkan untuk bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan kerja pembangunan dan penyenggaraan bangunan dan kemudahan awam di dalam kampus Politeknik Kota Bharu seluas 105.9 ekar. Pada tahun 2015, sejumlah peruntukan telah digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja meliputi senggaraan dan pemberian bangunan, sistem penyaman udara, peralatan pencegah kebakaran, peralatan kemudahan mekanikal dan kemudahan elektrikal. Bagi senggaraan yang kecil, kerja-kerja dilaksanakan oleh kakitangan UPSG manakala bagi yang memerlukan kepakaran dilaksanakan melalui kontraktor yang dilantik. Kakitangan UPSG diketuai oleh Pegawai Pembangunan dan Senggaraan dan dibantu oleh 9 orang kakitangan

teknikal yang lain. Adalah menjadi tanggungjawab UPSG bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kampus Politeknik Kota Bharu berkeadaan baik dan tidak menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun 2015, sebanyak 938 aduan telah diterima oleh UPSG.

Aduan Kerosakan 2015

Jenis Aduan Kerosakan	Bilangan	Peratus
Asrama	503	53
Awam/Bangunan/Infra	219	23
Elektrikal/Telefon	163	18
Mekanikal	53	6
Jumlah	938	100

**Laporan Keseluruhan Status dan Senarai Kerja
Pembangunan & Senggaraan Politeknik Kota Bharu
2015**

Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 99.5% telah berjaya dibaiki, manakala selebihnya tidak ekonomik untuk dibaiki atas pelbagai kerosakan besar yang berlaku.

Peranan UPSG juga adalah bertanggungjawab melaksanakan projek naiktaraf, ubahsuai dan pembangunan. Bagi tahun 2015, UPSG telah melaksanakan beberapa projek berikut dibawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10):

- Kerja-kerja mengecat asrama Blok A dan B serta kerja berkaitan di Politeknik Kota Bharu.
- Kerja-kerja senggaraan dan baikpulih tempat letak kereta di blok G,H, & J di Asrama Politeknik Kota Bharu,
- Kerja-kerja senggaraan pendawaian perkakasan elektrik di bengkel mesin JKM, serta kerja berkaitan di Politeknik Kota Bharu.
- Kerja-kerja mengganti, memasang dan mengujilari sistem penyaman udara serta kerja berkaitan di Politeknik Kota Bharu.
- Kerja-kerja senggaraan dan baikpulih gelanggang permainan futsal serta kerja-kerja berkaitan di Politeknik Kota Bharu.

Di samping itu, tugas UPSG juga terlibat sebagai unit yang bertanggungjawab dalam persiapan tempat untuk pelbagai majlis dan acara. Pada 2015, UPSG telah terlibat dalam beberapa majlis, antaranya adalah Majlis Konvokesyen, Pendaftaran Pelajar Baru dan Minggu Suaikenal.

Bil	Jenis Peruntukan	Bil Kerja	Kos Perbelanjaan Keseluruhan (RM)	Status Laksana		
				Rancang	Siap	Bina
1	OS 28000	124	1,269,226.74	124	124	0
2	OS 32000	8	309,749.35	8	8	0
3	OS 33000	0	0	0	0	0
4	P41 (RMK 10)	7	599,995.00	7	7	0
Jumlah Keseluruhan		139	2,178,971.09	139	139	0

Bengkel Pendawaian Dan Kerja-Kerja Mengecat Bangunan Balai Raya Di Kg Bunut Susu Pasir Mas.

Bengkel ini telah diadakan pada 01 – 04 Jun 2015, dengan tujuan memberi pendedahan kepada masyarakat luar tentang aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pihak politeknik. Selain itu, aktiviti ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara staff dan hubungan PKB dan masyarakat setempat, dan sumbangan atau bantuan kepada masyarakat. Bengkel ini telah dijayakan oleh Staf UPSG dengan bantuan beberapa orang staf dari unit/jabatan lain di PKB.



A



B



C

- A** Penyenggaraan dan baikpulih tempat letak di Asrama PKB
B Menaiktaraf laluan pejalan kaki berbumbung

- C** Mengganti, memasang dan mengujilari sistem penyaman udara di PKB



Unit
**PENYELIDIKAN, INOVASI
& KOMERSIL**

2Nd National Conference on Mechanical Engineering 2015 (Ncme'15). Penganjuran persidangan “2nd National Conference on Mechanical Engineering 2015” adalah buat kali ke 2 diadakan dalam kalangan Politeknik-Politeknik Malaysia. Objektif utama persidangan ini adalah untuk menyediakan platform bagi pertukaran idea melalui perbincangan pemikiran memprovokasi semasa ucaptama, ceramah jemputan dan persembahan teknikal. Penceramah dari politeknik dan industri akan membentangkan kertas kerja dari perspektif mereka untuk manfaat besar ahli akademik dan penyelidik. Kami berharap persidangan ini membolehkan rakan-rakan yang berminat untuk

memeriksa kemajuan saintifik terbaru, dan peningkatan kemajuan dalam pelbagai topik yang dibincangkan dalam persidangan itu. Pada 29 & 30 September 2015 - Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Bharu bersama dengan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu dan Politeknik Muazam Shah, Pahang telah berjaya menganjurkan National Conference of Mechanical Engineering (NCME'15). NCME'15 telah berlangsung di Politeknik Kota Bharu, antara 29 dan 30 September 2015. Tempat pembentangan melibatkan Dewan An-Nafis, Dewan Al-Zahrawi, Dewan Al-Biruni dan Bilik Ibnu Sina. 63 kertas kajian telah dibentangkan oleh peserta persidangan yang

terdiri daripada 61 orang pensyarah dari Politeknik Kota Bharu, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu, Politeknik Kota Kinabalu Sabah, Politeknik Merlimau Melaka, Politeknik Seberang Prai Pulau Pinang, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Kedah, Politeknik Sultan Azlan Shah Perak, Politeknik Muazam Shah Pahang, Kolej Komuniti Selayang Selangor, Kolej Komuniti Seberang Jaya Pulau Pinang dan Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis.

Pertandingan Inovasi P&P Politeknik Kota Bharu 2015.

Pertandingan ini telah diadakan pada 22 September 2015, bertempat di Bilik Seminar Ibnu Sina, Politeknik Kota Bharu dengan disertai oleh 70 orang pensyarah PKB dengan 20 penyertaan. Pertandingan ini bertujuan melahirkan pensyarah yang mampu menghasilkan inovasi dalam pelaksanaan kurikulum dan dapat meningkatkan profesionalisme pendidikan. Selain itu penganjuran pertandingan ini bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pensyarah yang menghasilkan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan pensyarah mencipta atau menghasilkan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, menyediakan ruang dan peluang bagi pensyarah menampilkan hasil inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan menyebarkan hasil inovasi guru untuk dimanfaatkan oleh para pendidik yang lain. Penganjuran program ini menunjukkan komitmen warga PKB untuk terus membudayakan inovasi dalam tugas seharian. Sekaligus memperkasakan agenda transformasi politeknik sebagai institusi inovatif, kreatif dan responsif dan menjadikannya suatu realiti. Program seumpama ini selayaknya dilaksanakan memandangkan setiap pensyarah sentiasa mempunyai idea dan kreativiti tersendiri untuk mempertingkatkan proses P&P. Maklumbalas yang diperolehi daripada peserta sangat positif dan mengharapkan program seumpama ini diperluaskan penyertaannya kepada warga politeknik lain di Malaysia yang bersedia untuk berkonsi idea dan inspirasi P&P

Bengkel KIK. Bengkel ini telah diadakan pada 4 – 6 Mei 2015 bertujuan mempersiapkan Kumpulan KIK PKB dengan disertai oleh 30 orang Staf PKB. Bengkel yang diadakan di Bilik Ibnu Sina ini telah di kendalikan oleh penceramah berpengalaman iaitu Tn. Haji Baharin bin Yahya, Pengurus

KIK Ceks Konsultansi dan mantan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia, berkemahiran di dalam aktiviti/ perlaksanaan KIK di peringkat jabatan awam dan swasta dan dalam pembentangan laporan KIK di peringkat negeri dan kebangsaan.

Konvensyen Inovatif Dan Kreatif Politeknik Malaysia

2015. Dua kumpulan telah layak untuk menyertai Konvensyen KIK ini, iaitu Jabatan Perdagangan mewakili kategori Pengurusan manakala Jabatan Kejuruteraan Awam telah layak dalam kategori Teknikal. Konvensyen ini telah diadakan pada 9 – 11 Jun 2015, di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis. Kumpulan e-Biz Maker (Jabatan Perdagangan/Kategori Pengurusan) telah mendapat Anugerah Emas, dengan tajuk projek, “ Kesukaran Pelajar Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Keusahawanan Semasa Pengajian di Politeknik Kota Bharu”. Kumpulan ini telah membangunkan Laman Web www.ebizpkb.my, yang menjadi platform kepada para pelajar untuk berniaga di atas talian. Anggota kumpulan ini terdiri daripada Azahan Hj. Daud (Fasilitator), Nor Asiah Ab Ghani (Ketua Kumpulan), Zarina Mohd Noor, Nik Mazlan Nik Hussain, Nasron Omar, Nik Rozina @ Nik Azyyati Nik Jaafar, Roslida Abdul Rahman, Fuziah Awang, Nik Suriani Nik Fauzi, Salwati Osman, dan Wan Mohd Hanafi Wan Abd. Rahman.

Kumpulan GreenoteX (Jabatan Kejuruteraan Awam/ Kategori Teknikal) pula telah mendapat Tempat Ketiga Kategori Teknikal, dengan projek Eco2Gc Drain Cover yang merupakan penutup longkang yang telah ditambah baik. Produk ini berjaya mengurangkan kesukaran pekerja dalam menguruskan longkang tersumbat dengan ciri-ciri rekabentuknya yang mengambil kira pelbagai aspek persekitaran, manusia, kaedah dan peralatan. Kumpulan yang diketuai oleh Siti Hawa Kadir telah dibimbang oleh Mohd Zardy Ab Rahman. Ahli kumpulan ini terdiri daripada Nor Hayati Mat Nor, Affidah Mardziah Mukhtar, Noor Izma Ab Ghani, Mahmud Taib, Zulkifli Mustafa, Zulfarahim Hibadullah dan Rizalman Ab Rahim.

Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 Bagi Kategori KIK Hybrid. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Hybrid diperkenalkan

UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIL

dalam perkhidmatan awam untuk mewujudkan rakan strategik bagi mengurangkan kerenah birokrasi, peraturan-peraturan lama serta proses kerja yang kurang relevan dan sebagai pendekatan bagi mewujudkan lebih banyak jalinan kerjasama antara jabatan kerajaan. Projek KIK Hybrid ini merupakan penyertaan pertama Politeknik Kota Bharu yang melibatkan gabungan Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia.

Konvensyen ini telah diadakan pada 24 – 26 November 2015, bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan Pahang. Kumpulan POLI-VET adalah gabungan Politeknik Kota Bharu (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia) dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia). Tajuk projek yang dipersembahkan adalah “Kesukaran Memampatkan Rumput Semasa Proses Penyediaan Silaj Dalam Tong Polietilin”.

Kumpulan POLI-VET telah berjaya menghasilkan poly-silage compressor (PSC) bagi membantu pengeluaran sumber makanan yang murah dan berkualiti dan ini akan meningkatkan dan memudahkan pengusaha yang akan terlibat dengan bidangusaha penternakan khususnya di negeri Kelantan akan terus unggul sebagai pengeluar lembu pedaging kacukan yang terbaik di Malaysia. Penggunaan PSC dalam teknologi pengeluaran silaj akan meningkatkan lagi kecekapan tenaga kerja serta produktiviti ladang. Kumpulan ini terdiri daripada Chung Boon Chuan (PKB) selaku Fasilitator, Aziz Mamat (PKB) sebagai Ketua Kumpulan, Hassan Zainudin (JPVNK), Rosnani Hassan (PKB), Normala Tukiban (JPVNK), Noriah Abdullah (PKB), Wan Abdul Halim Amir Wan Muhamad (PKB), Mohd Hafiz Hassan (PKB), Azahar Mat (JPVNK), Zailani Hussin (JPVNK) dan Nik Badrol Hisham Nik Jaafar (JPVNK).

National Conference on TVET Innovation 2015, Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Persidangan NCTVETi2015 yang

julung kali diadakan pada 29 - 30 April 2015 di Politeknik Kota Bharu, merupakan satu program yang dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PKB. Prihatin dengan perkembangan ekonomi kini yang semakin terarah kepada pembangunan dan penggunaan teknologi, keperluan kepada tenaga manusia yang terlatih dalam bidang ini dilihat juga semakin berkembang. Justeru, Jabatan Kejuruteraan Elektrik berhasrat untuk turut menyumbang dengan menyediakan satu platform pertukaran pemikiran ilmiah dikalangan tenaga pakar di Malaysia bagi merancakkan lagi TVET agar Malaysia akan menjadi peneraju utama dalam bidang dikalangan negara di Asia mahupun dunia. Seminar ini dapat menghimpunkan pakar-pakar dan penyelidik peringkat kebangsaan sebagai medan kepada perkongsian idea bagi merancakkan pengetahuan dalam pendidikan berteraskan TVET di Malaysia. Selain itu seminar ini juga mampu menjadi wahana untuk mempromosikan dan membina hubungan erat dikalangan penyelidik, tenaga pengajar dan pembuat polisi bagi merangka kolaborasi yang berinovatif bagi mendorong perkembangan dalam bidang pendidikan dan latihan vokasional (TVET). National Conference on TVET Innovation 2015 telah berlangsung dengan jayanya. Program ini telah berjaya menghimpunkan pakar-pakar dan penyelidik ke peringkat kebangsaan sebagai medan perkongsian idea bagi merancakkan pengetahuan dalam pendidikan berteraskan TVET di Malaysia. Program ini telah berjaya mempromosikan dan membina hubungan erat dikalangan penyelidik, tenaga pengajar dan pembuat polisi bagi merangka kolaborasi yang berinovatif. Seminar ini memberi ruang dan peluang kepada para penyelidik TVET, pembuat dasar, tenaga pengajar untuk membangunkan kaedah penyelesaian kepada cabaran yang sukar diatasi ketika melaksanakan polisi dan program. Selain itu, seminar NCTVETi2015 berjaya mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran pendidikan TVET di Malaysia agar tidak ketinggalan dari arus perdana TVET dunia.

Seminar Penyelidikan dan Inovasi Zon Timur 2015.

Penganjuran Seminar Penyelidikan dan Inovasi Zon Timur 2015 (SPIZT'15) pada kali pertama dalam tahun

2015 bertujuan memberi peluang kepada para penyelidik dari politeknik untuk membentang dan menghasilkan kertas penyelidikan dari pelbagai bidang kejuruteraan dan perdagangan. Seminar yang diadakan pada 21 September 2015 disertai oleh 50 orang pensyarah Politeknik Zon Timur. Ia juga menyediakan platform bagi pertukaran idea melalui perbincangan hasil penyelidikan dan idea-idea inovasi yang baru dan terkini bagi menjana pemikiran yang kreatif

dan inovatif di kalangan peserta. Pembentangan kertas kerja dari perspektif mereka ini akan memberi manfaat yang besar kepada semua ahli akademik dan penyelidik. Justeru, seminar ini membolehkan para pensyarah up-to-date dengan kajian yang terkini bagi peningkatan ilmu dan teknologi dalam memartabatkan penyelidikan dan inovasi di kalangan warga akademik di politeknik.

LAPORAN TAHUNAN

2015

Politeknik Kota Bharu

UNIT ASRAMA

Malam Silaturrahim Kolej Kediaman PKB Bersama Pelajar Kamsis Sesi Jun 2015. Secara amnya program yang telah diadakan pada 15 – 17 Jun 2015, bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB ini telah memberi impak yang besar kerana para pelajar dapat mengenali diantara satu sama lain tidak kira umur, pangkat maupun bangsa. Mereka juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim bersama dengan Fello dan pihak pengurusan kolej kediaman. Pelajar juga dapat mengetahui sistem yang digunakan di kolej kediaman seperti i-kamsis bahkan pelajar juga dapat mengetahui peraturan – peraturan yang digunakan semasa di dalam kamsis. Menyedarkan kepada penghuni kamsis bahawa pentingnya keselamatan diri semasa berlaku kebakaran di kamsis dan membentuk dan mengukuh nilai (atribut) hubungan silaturrahim antara anggota bomba dan penghuni kamsis. Ia juga dapat mengetahui cara-cara menggunakan peralatan pemadam api dengan betul. Di samping itu, pelajar juga mengetahui secara amnya tentang pengurusan yang ada di Kamsis PKB serta dapat berkenalan dengan Kamsis Young Entrepeneurship (Ka'Ye) iaitu pelajar yang melibatkan diri dengan keusahawanan di kamsis.

Displin Memantapkan Keperibadian. Pada 4 Ogos 2015, bertempat di Masjid Ibrahimi, PKB, program yang mensasarkan untuk memantapkan keperibadian pelajar melalui pemahaman kepada ketenteraman, kesusilaan dan kesopanan telah berlangsung dengan jayanya. Melalui program ini juga, pelajar dapat membentuk displin diri yang berguna pada masa akan datang. Selain itu, program ini juga mampu membentuk dan mengukuhkan nilai (atribut) hubungan silaturrahim dengan pelajar kamsis PKB.

Majlis Sambutan Hari Raya JPKK. Sambutan ini telah diadakan pada 15 Ogos 2015, bertempat di Masjid Ibrahimi, PKB bagi meraih dan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Majlis ini dapat mengeratkan silaturrahim di antara warden asrama dengan ahli jawatankuasa pelajar asrama, selain dapat beramah mesra. Kerjasama yang terjalin dapat dilihat melalui proses penyediaan juadah untuk sambutan majlis ini.

Kursus Penghayatan Solat. Solat itu tiang agama. Justeru, bagi menyempurnakan solat Warga Kamsis PKB, kursus ini telah diadakan pada 11 September 2015, di Masjid Ibrahimi, PKB. Dalam kursus ini, peserta akan didedahkan kepada ilmu solat yang lebih mendalam, cara solat yang betul dan cara meningkatkan khusyuk dalam solat. Program ini juga mendedahkan kesan apabila meninggalkan solat disamping menyuburkan sifat mahmudah dalam diri pelajar .

Kem Kepimpinan Ahli Jawatankuasa Kolej Kediaman PKB. Tasik Kenyir, Terengganu telah menyaksikan usaha berterusan untuk meningkatkan kecemerlangan kepimpinan dengan penganjuran Kem Kepimpinan Ahli Jawatankuasa Kolej Kediaman PKB pada 17 – 19 September 2015. Program dua hari ini padat dengan aktiviti-aktiviti yang mampu meningkatkan skil komunikasi, cara menangani tekanan, meningkatkan disiplin dan menyuburkan nilai-nilai murni. Selain itu, program ini juga mampu meningkatkan kualiti diri peserta.

Malam Anugerah Pelajar. Majlis yang diadakan pada 4 Oktober 2015, di Dewan Jubli Perak, PKB telah berlangsung dengan meriah. Selain menghargai sumbangan pelajar, majlis ini turut diwarnai dengan persembahan kesenian oleh wakil setiap blok. Jalinan kerjasama jelas terlihat semasa penganjuran majlis ini.

LAPORAN TAHUNAN

2015

Politeknik Kota Bharu

UNIT KUALITI & DOKUMENTASI

Seminar Setiausaha-Setiausaha & Pembangunan Pengurusan Kualiti Politeknik Malaysia 2015. Seminar ini dijayakan pada 26 - 28 Oktober 2015 bersama penceramah Pn Shahidah Sulong, Perunding Latihan Kanan di INTAN Wilayah Timur, Kemaman Terengganu. Beliau telah menerangkan perihal pengurusan surat-menyurat dan pengurusan mesyuarat. Sebanyak 27 hasil ilmiah telah dibentang dan 44 penulisan telah berjaya diterbitkan. Input seminar ini dapat melatih setiausaha-setiausaha di bawah tanggungjawab pembangunan dan pengurusan kualiti melaksanakan keperluan harian dengan lebih efisyen dan bersistematis. Mereka juga dapat meningkatkan produktiviti dalam tugas-tugas mereka dan seterusnya memastikan proses pembangunan pengurusan kualiti politeknik dapat berjalan dengan lancar selaras dengan misi dan visi Jabatan Pendidikan Politeknik. Usaha melaksanakan program pembentangan peringkat Politeknik Malaysia ini dapat meningkatkan lagi kecemerlangan pensyarah sejarah dengan visi dan misi berkenaan.

Seminar Pelaporan Kajian Semula Pengurusan 2015, Di Prinzpark Resort & Hotel, Kuala Terengganu. Seminar ini dilaksanakan di Prinzpark Resort & Hotel, Kuala Terengganu pada 25 - 27 Ogos 2015, untuk mengenalpasti, mengumpul, dan seterusnya menganalisa data-data yang dilaporkan bagi menunjukkan keberkesanannya Sistem Pengurusan Kualiti PKB. Penampaikan dapat digariskan dalam membawa perubahan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang lebih positif. Hasil daripada seminar ini dapat menilai semula pelaksanaan sistem pengurusan PKB yang memastikan kesesuaian, kecukupan serta keberkesanannya secara berkala membincangkan dan menilai peluang-peluang penambahbaikan serta keperluan kepada perubahan pengurusan PKB. Selain itu, memastikan laporan yang dibuat selari dengan perancangan yang telah dibuat sepanjang tahun.

Program Perkongsian dan Celik “Blended Learning”. Program ini merupakan satu usahasama PKB bersama JPP pada 15 - 17 Februari 2015. Penceramah terdiri daripada Dr

Zainal Azhar Zainal Abidin (JPP), En Aziz Ikhwan Ab Wahab (PMSZA), dan Pn Nik Syahida Nik Ab Malik (PJK). Program ini berlangsung di Dewan Al-Ghazali dan GCL 1 & 2, di PKB. Peserta yang terlibat adalah dalam kalangan pensyarah PKB. Bengkel dilaksanakan dapat meningkatkan dan mentransformasikan pengajian tinggi dalam hal melibatkan pengajaran dan pembelajaran agar lebih fleksibel dan optimum. Dalam usaha meningkatkan pencapaian KPI, segala komitmen dan hasrat untuk mewujudkan kecekapan dalam organisasi dipertonjolkan dengan memastikan dengan keutamaan kepada tindakan yang berkesan. Daripada program ini, pencapaian KPI PKB telah tercapai iaitu melebihi 50%. Program ini juga dapat memastikan supaya tindakan berkesan dibuat terhadap kelemahan yang dikenalpasti dalam pelaksanaan Blended Learning. Selain itu, ia dapat membantu memberi Literasi Digital yang penting bagi pensyarah-pensyarah dan bahagian-bahagian sokongan yang berpengetahuan secara global.

PKB Management Team Retreat, Pulau Perhentian. Bengkel PKB Management Team Retreat telah diadakan di Arwana Perhentian Eco Resort & Beach Chalet Pulau Perhentian Terengganu pada 25 sehingga 27 Mei 2015. Peserta yang hadir seramai 36 orang yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ketua Jabatan, Ketua Unit, dan wakil-wakil Kriteria-Kriteria APACC yang terpilih. Dengan melaksanakan bengkel ini, Pelan Tindakan ditambahbaik supaya relevan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (2013 - 2025) yang mempunyai 10 lonjakan, dan yang telah disatukan menjadi teras dalam Business Plan 2015 ini. Dengan pelaksanaan penambahbaikan Pelan Tindakan ini, proses pemantauan mendapatkan sasaran dapat dinilai semula agar pelaksanaan sistem pengurusan PKB dapat dipastikan sesuai, mencukupi serta berkesan secara berkala. Selain daripada itu, ianya dapat memenuhi kehendak Polyrate dan PolyPMO dalam pengurusan akademik dan bukan akademik PKB.

On-Site Visit Asia Pacific Accreditation And Certification Commission (APACC). Lawatan Asia Pacific Accreditation And Certification Commission (APACC) telah berlangsung pada 30 Mac – 01 April 2015 yang lalu. Lawatan ini telah diketuai oleh Dr Mohammad Naim Yaakub selaku Presiden APACC. Pasukan lawatan terdiri daripada Dr Romulita Alto, dari Filipina selaku Ketua Panel Penilai, Dr Palloon Saiyawongs dari Thailand, dan Puan Arlene Cruz, kakitangan CPSC APACC. Politeknik Kota Bharu adalah politeknik yang terakhir dilawati pada tahun 2015. Pelbagai persiapan dilakukan dengan bantuan seluruh tenaga kerja politeknik PKB dan pelajar yang terlibat. Terdapat tujuh (7) kriteria iaitu Kriteria 1 Governance & Management, Kriteria 2 Teaching & Learning, Kriteria 3 Faculty & Staff, Kriteria 4 Research & Development, Kriteria 5 Extension, Consultancy & Linkages, Kriteria 6 Resources dan kriteria yang terakhir iaitu Kriteria 7 Support To Students untuk dinilai. Pelbagai aktiviti telah dirancangkan bagi melancarkan perjalanan lawatan APACC dengan lancar. Hasil lawatan Panel Penilai APACC ini, impak yang amat berkesan dicapai adalah wujud kerjasama dan semangat berpasukan antara kakitangan di PKB. Hasil kerjasama dan kesungguhan kakitangan, PKB telah dianugerahkan Pingat Emas yang diumumkan pada 22 Jun 2015 di Manila. Dengan ini, PKB setanding dengan organisasi pendidikan teknik dan vokasional lain di Asia Pasifik.

Lawatan Silatulrahim Masyarakat Muslim Manila: Golden Mosque, Daerah Quaipo, Filipina. Memandangkan satu rombongan yang melibatkan beberapa kakitangan PKB menghadiri Majlis Penganugerahan Persijilan APACC pada 21 - 26 Jun 2015, dan dikenalpasti adanya waktu terluang di antaranya, Tuan Pengarah PKB dan ahli rombongan telah melaksanakan diskusi awal di mana aktiviti lawatan menjalin silatulrahim ini patut dilaksanakan di masjid di Bandar Manila iaitu Masjid Quiapo. Rombongan ini disertai lima (5) orang kakitangan PKB ini berpeluang menuaikan Solat Zohor, dalam bulan Ramadhan yang mulia. Sesudah menuaikan solat, aktiviti meninjau kemudahan prasarana di Masjid dan kehidupan masyarakat Islam disekitarnya. Ahli rombongan juga berdiskusi dengan Tuan Imam Masjid tentang pengimaranan dan pengurusan masjid. Sumbangan diperolehi dari warga PKB telah diserahkan kepada Tuan Imam masjid berkenaan; Abdulsamad Ansari Ali untuk

menyediakan serba sedikit keperluan beribadat. Kesemua nikmat pengembalaan ini menjurus ke arah meningkatkan keimanan umat Islam dan memberikan motivasi dan semangat yang lebih tinggi untuk beribadat dalam erti kata yang lebih luas. Apabila PKB sudah berupaya membantu saudara Islam di Manila, ruang penerimaan masyarakat Manila akan terbuka luas. Sebaik sahaja memulakan hubungan yang baik dengan pihak Filipina, maka ianya mungkin akan membuka ruang yang lebih luas untuk diadakan apa-apa bentuk perkongsian pintar, kolaborasi, lawatan benchmarking, student interchange atau lain-lain perkara yang boleh melonjakkan PKB dan pelajar PKB di pentas antarabangsa.

Lawatan Persediaan Akreditasi APACC PKB. Lawatan ini dianjurkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD). Prof Madya Dr Mohamad Hisyam Mohd Hashim adalah selaku akreditor bagi lawatan persediaan akreditasi APACC ke Politeknik Kota Bharu iaitu bermula dari 10 & 11 Mac 2015. Dalam sesi ini, kesemua dokumen bagi 7 kriteria telah disemak dan penambahbaikan dibuat atas keperluan. Empat (4) perkara telah dipertimbangkan dengan terperinci, iaitu melibatkan keceriaan bilik APACC, sumber-sumber data mengikut kriteria, perancangan politeknik iaitu tentatif penilaian lawatan akreditasi APACC serta slide pembukaan. Hasil daripada lawatan ini, ketua-ketua dan ahli-ahli jawatankuasa bagi ketujuh-tujuh kriteria memperkemas lagi dokumen-dokumen yang diperlukan semasa sesi lawatan akreditasi APACC. Selain itu, persediaan bagi bilik APACC dan perancangan slide pembukaan semasa lawatan APACC juga dibentang untuk penambahbaikan. Secara keseluruhannya, lawatan ini dapat memberikan panduan kepada pihak PKB dalam melaksanakan persediaan lawatan APACC.

Lawatan Kerja Ke Universiti Teknologi Dan Kreatif Limkokwing, Cyberjaya. Lawatan ini telah diketuai oleh Pengarah Hj Noor Azahan Othman, dan seramai 25 orang terdiri daripada kalangan pensyarah, yang dipilih untuk memastikan keceriaan setiap tempat/ lokasi di PKB pada 05 dan 06 Mac 2015. Semasa lawatan ini, pihak PKB melihat bagaimana fasiliti bilik kuliah, studio dan galeri yang

UNIT KUALITI & DOKUMENTASI

disediakan di universiti tersebut. Pihak PKB mengadakan lawatan ini atas tujuan utamanya ialah mendapatkan input untuk keceriaan sebelum lawatan APACC. Kesan positif daripada lawatan ini, persekitaran PKB telah menjadi lebih ceria hasil daripada perkongsian idea-idea dalam membina poster, banner dan galeri di jabatan-jabatan dan unit-unit masing-masing.

Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008. Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM menerusi Tn Hj Dzulkifli Hamzah sebagai Ketua Juruaudit dan Pn Asiyah Haron sebagai Juruaudit hadir membantu memantau sistem pengurusan kualiti di jabatan-jabatan dan unit-unit di PKB pada 8 - 10 Februari 2015. Semua teguran memberikan impak kepada penambahan dan peningkatan kerja yang lebih sistematik dan terancang. Harapannya, semua OFI segera diambil tindakan oleh pemilik proses berkenaan dan semua warga memastikan kesinambungan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Hasilnya, program ini dapat mengukur prestasi Sistem Pengurusan Kualiti PKB dan juga dapat memperbaharui Sijil MS ISO yang tamat pada 26 Februari 2015.

